05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGUASAAN PERBENDAHARAAN KATA BAHASA MELAYU MURID TAHUN ENAM : KESAN KEDUDUKAN SEKOLAH, JANTINA, DAN SOSIOEKONOMI KELUARGA

MANIVANNAN A/L SUBRAMANIAM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
BAHASA MELAYU

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM

2004

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

15.6.2004

MANIVANNAN A/L SUBRAMANIAM
No.Pend. 2001-00186

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya, Prof. Dr. Abdul Hamid Mahmood kerana kesudian beliau menjadi penyelia saya walaupun sibuk dengan tugas akademik dan penerbitan. Dorongan, semangat dan kerjasama yang beliau berikan selama ini, dapat saya menyiapkan laporan kajian ini sesempurna yang mungkin.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada Dr.Ahmad Hashim dan Prof. Dato' Dr. Ahmad Mahzan Ayob dari Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia yang turut membantu saya untuk menyemak, memurni dan memantapkan lagi Bab IV kajian ini.

Jutaan terima kasih dirakamkan kepada Dekan Fakulti Bahasa Dr. Nor Azmi Bin Mostafa dan semua pensyarah fakulti bahasa yang banyak membantu proses penyelidikan ini. Setinggi penghargaan juga dihulurkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak kerana kebenaran untuk menjalankan sebarang penyelidikan.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada guru-guru besar, yang memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah mereka. Begitu juga kepada para guru dan murid yang dengan rela hati memberi kerjasama dan maklumat yang diperlukan.

Tidak ketinggalan saya mengucapkan terima kasih kepada keluarga tercinta yang sentiasa sabar, faham dan memberi sokongan moral kepada saya selama ini. Begitu juga dengan rakan seperjuangan saya yang sentiasa memberi perangsang dan bantuan semasa saya memerlukannya.

Akhir kata, kepada semua yang terlibat membantu saya secara langsung dan tidak langsung untuk menyempurnakan kajian ini, diucapkan terima kasih.

Sekian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu murid darjah enam dan meninjau sama ada wujud perbezaan penguasaan perbendaharaan kata antara murid di bandar dan di luar bandar. Selain faktor jantina pengkaji juga melihat faktor sosioekonomi keluarga yang mempengaruhi penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan murid. Kajian ini diadakan di dua lokasi yang berbeza. Sekolah Kebangsaan Manjoi 1, Ipoh dan Sekolah Kebangsaan Jalan Panglima Bukit Gantang , Ipoh mewakili kawasan bandar manakala Sekolah Kebangsaan Jalan Pengkalan Pegoh, Lahat dan Sekolah Kebangsaan Pengkalan Baru, Kampung Kepayang mewakili kawasan luar bandar. Seramai 100 orang murid terlibat dalam kajian ini. Bentuk perbendaharaan kata yang diberi tumpuan ialah kata nama, kata kerja, dan kata adjektif. Dapatan kajian menunjukkan, daripada 100 sampel hanya 46.00% murid sahaja dapat menggunakan lebih daripada min purata 17.16 perkataan. Hal ini menggambarkan sejumlah besar murid, iaitu melebihi 50% belum dapat menguasai perbendaharaan kata yang baik. Setelah dibuat perbandingan ternyata ada kebenarannya bahawa penguasaan perbendaharaan kata murid di bandar lebih baik daripada murid di luar bandar. Walaupun kajian lepas membuktikan bahawa murid perempuan mempunyai penguasaan perbendaharan kata yang tinggi namun, pengkaji mendapati kajian ini sebaliknya. Sebagai kesimpulannya, kajian ini mendapati penguasaan perbendaharaan kata murid sekolah rendah banyak dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi keluarga. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji lain untuk meneruskan kajian yang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

THE MASTERY OF BAHASA MELAYU VOCABULARY AMONG YEAR SIX PUPILS: EFFECT OF SCHOOL LOCATION, SEX AND FAMILY'S SOCIOECONOMIC BACKGROUND

ABSTRACT

This research is carried out to explore the extent of mastery of the Bahasa Melayu vocabulary among year Six pupils and to survey whether there exists a difference in the level of proficiency between rural and urban school pupils. Besides gender, the researcher has also taken into account the socioeconomic factors of the families, which influence the mastery of vocabulary among pupils. The research was carried out in two different locations. SK Manjoi 1, Ipoh and SK Jalan Panglima Bukit Gantang, Ipoh representing urban schools while SK Jalan Pengkalan Pegoh, Lahat and SK Pengkalan Baru, Kampung Kepayang, representing rural schools. A total of 100 pupils were involved in this survey. The vocabulary structures which were given emphasis were nouns, verbs and adjectives. The findings revealed that out of the 100 in the sample study, only 46.00% of the pupils had mastered more than the average mean of 17.16 words. This phenomenon shows that the majority of pupils, that is more than 50.00%, have not acquired mastery over good vocabulary usage. After comparing, it is evident that there exists a better mastery of the Malay vocabulary among pupils in urban schools as compared to rural schools. The research also proves that gender is not a decisive factor in the mastery of Bahasa Melayu vocabulary although previous research showed on the contrary. In conclusion, this research shows that the mastery of vocabulary among primary school pupils is influenced greatly by the family's socioeconomic background. It is hoped that the findings of this research will help other researchers to explore further other relevant areas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI SINGKATAN

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1
1.2 Permasalahan Kajian 9
1.3 Tujuan Kajian 15
1.4 Soalan Kajian 16
1.5 Kepentingan Kajian 16
1.6 Batasan Kajian 18
1.7 Definisi Istilah 20

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 26
2.2 Konsep Penguasaan Bahasa 26

2.2.1 Perkembangan Bahasa Dan Kognitif 27
2.2.2 Penguasaan Bahasa Berlandaskan Teori Pembelajaran Kognitif Piaget 31
2.2.3 Penguasaan Bahasa Berlandaskan Teori Pembelajaran Kognitif Vygotsky 38

2.3 Isu Berkaitan Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Kajian Berkaitan Di Dalam Negara 43

2.4 Isu Berkaitan Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Kajian Berkaitan Di Luar Negara 48

2.5 Isu Berkaitan Pengaruh sosioekonomi Keluarga Terhadap Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Kajian Berkaitan Di Dalam Negara 52

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Isu Berkaitan Pengaruh sosioekonomi Keluarga Terhadap Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Kajian Berkaitan Di Luar Negara 60

2.7 Kesimpulan 67

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan 69
3.2 Rekabentuk Kajian 70
3.3 Tempat Kajian 71
3.4 Subjek Kajian 71
3.5 Alat Kajian 74

3.5.1 Ujian Penulisan 74
3.5.2 Soal Selidik 74

3.6 Prosedur Pengumpulan Data 75

3.6.1 Menjalankan Ujian Dan Soal Selidik 75

3.7 Kajian Rintis 76

3.8 Prosedur Penganalisisan Data 77

3.8.1 Menganalisis Karangan 76
3.8.2 Menganalisis Soal Selidik 79

3.9 Kesimpulan 80

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan 82
4.2 Dapatan Kajian 82

4.2.1 Penguasaan Perbendaharaan Kata Murid Tahun Enam 83
4.2.2 Perbezaan Penguasaan Kata Nama Murid Sekolah Rendah Di Bandar Dan Di Luar Bandar 87
4.2.3 Perbezaan Penguasaan Kata Kerja Murid Sekolah Rendah Di Bandar Dan Di Luar Bandar 89
4.2.4 Perbezaan Penguasaan Kata Adjektif Murid Sekolah Rendah Di Bandar Dan Di Luar Bandar 91

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		4.2.5 Perbezaan Perbendaharaan Kata Berdasarkan Jantina	93
		4.2.6 Pengaruh Sosioekonomi Keluarga Terhadap Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Melayu	95
		4.2.7 Faktor-Faktor Lain Yang Memberi Kesan Kepada Penguasaan Perbendaharaan Kata	110
	4.3	Kesimpulan	113
BAB 5	**KESIMPULAN DAN CADANGAN**		
	5.1	Kesimpulan	114
	5.2	Cadangan	127
	5.3	Cadangan Kajian Lanjut	135
Rujukan			137
Lampiran			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.1	Skema Pemarkahan bahasa Melayu UPSR	6
3.1	Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah dan Jantina	72
3.2	Reka Bentuk Ujian Bertulis	74
4.1	Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	83
4.2	Perbezaan Penguasaan Kata Nama	87
4.3	Perbezaan Penguasaan Kata Kerja	89
4.4	Perbezaan Penguasaan Kata Adjektif	91
4.5	Perbezaan Penguasaan Berdasarkan Jantina	93
4.6	Bilangan Adik Beradik	96
4.7	Tahap Pendidikan Ibu Bapa	98
4.8	Pendapatan Bulanan Keluarga	100
4.9	Pekerjaan Bapa	102
4.10	Pekerjaan Ibu	104
4.11	Penentuan Masa Belajar	106
4.12	Bantuan Semasa Mengulangkaji	107
4.13	Barang-Barang Sumber Maklumat	108
4.14	Mata Pelajaran Yang Diminat	110
4.15	Bilangan Karangan Yang Ditulis	111
4.16	Pencapaian Dalam Peperiksaan	112

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
3.1	Reka Bentuk Sampel	73
4.1	Jumlah Keseluruhan Penguasaan Perbendaharaan Kata	85
4.2	Perbezaan Penguasaan Kata Nama	88
4.3	Perbezaan Penguasaan Kata Kerja	90
4.4	Perbezaan Penguasaan Kata Adjektif	92
4.5	Perbezaan Penguasaan Berdasarkan Jantina	94

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
BPKBM	Buku Panduan Khas Bahasa Melayu
KN	Kata Nama
KK	Kata Kerja
KA	Kata Adjektif
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
SK	Sekolah Kebangsaan
SPSS	Statistical Packages for the Social Sciences
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Apabila seseorang kanak-kanak memahami maksud sebahagian besar perkataan, ia dikatakan mempunyai perbendaharaan kata yang luas. Pemahaman ini ditambah lagi dengan keupayaan kanak-kanak menggunakan perkataan tersebut, untuk menjelaskan atau membincangkan perkara-perkara yang bersabit dengan sesuatu bidang, sama ada secara lisan atau tulisan (Koh Boh Boon, 1982).

Menurut Ashworth dan Wakefield (1994), kanak-kanak memerlukan penguasaan bahasa dalam bentuk perkataan, iaitu perkataan yang dapat menceritakan, mengembangkan dan juga menanyakan apa sahaja yang dialami. Keperluan untuk penguasaan bahasa wujud kerana perbendaharaan kata memainkan peranan sebagai wahana pemikiran, pernyataan kendiri, penterjemaan dan alat untuk berkomunikasi (Adil, 1988).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, tidak hairanlah jika kanak-kanak suka bertutur ataupun bertanya tentang perkara yang kurang difahami untuk mendapatkan penjelasan lanjut, agar konsep dan skim baharu yang dipelajari atau diperoleh lebih difahami. Perkataan dan konsep dikatakan mempunyai hubung kait yang erat antara satu sama lain. Hubung kait ini wujud kerana kehadiran perkataan baharu yang membantu penciptaan konsep dan skim-skim baharu (Bee, 1992).

Di sekolah, penegasan tentang pentingnya penguasaan bahasa dapat dilihat dalam kata pendahuluan Sukatan Pelajaran iaitu:

> Matlamat Sukatan Pelajaran ini ialah untuk membolehkan murid-murid mencapai penguasaan bahasa yang sesuai mengikut peringkat darjah dan peringkat persekolahan. Oleh itu, guru-guru hendaklah mementingkan dan menegaskan penggunaan, pemakaian dan kemahiran bahasa.
> (Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia untuk Sekolah-Sekolah Rendah, 1998)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penegasan yang sama dapat juga dilihat dalam kata-kata pendahuluan Huraian Sukatan Pelajaran Tahun Enam iaitu:

> Huraian Sukatan Pelajaran dimuatkan senarai kecekapan berbahasa untuk kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, serta aspek tatabahasa, penjodoh bilangan, peribahasa, dan perbendaharaan kata yang sesuai bagi peringkat persekolahan murid.
> (Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tahun 6, 1998)

Pada peringkat sekolah rendah, seseorang murid dikatakan dapat menguasai bahasa sekiranya dapat bertutur dan menulis dengan betul serta dapat memahami apa yang didengar dan dibacanya. Mengikut tokoh bahasa, Nik Safiah Karim (1981 : 129) proses mempelajari bahasa ini mengambil masa antara umur satu tahun hingga kira-kira lima belas tahun. Di sini jelaslah bahawa pada peringkat umur sedemikian, soal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penguasaan bahasa khususnya perbendaharaan kata menjadi perkara yang mustahak dan penting.

Apabila kanak-kanak memasuki alam persekolahan, stok bahasa kanak-kanak terus berkembang dari satu tahap ke satu tahap, daripada yang mudah kepada bahasa yang lebih kompleks melampaui alam kanak-kanak. Seal (1991) mendapati lebih banyak perkataan seseorang itu ketahui, bertambah luaslah pengetahuan perbendaharaan katanya. Apabila pengetahuan perbendaharaan kata luas, maka gaya bahasa kanak-kanak tersebut turut berkembang.

Smith (1983) menegaskan,

> Sebaik sahaja sesuatu perkataan mula digunakan secara lazim, kita gemar memberi makna seberapa banyak yang mungkin; Hal ini merupakan ciri umum untuk semua bahasa di dunia dan mencerminkan bagaimana otak manusia berfungsi dengan baik, iaitu menggunakan beberapa unsur dengan cara yang berkesan daripada menggunakan banyak unsur dalam cara yang terhad.

Pernyataan di atas memberi implikasi bahawa kecerdasan individu boleh diuji melalui cara individu tersebut menggunakan perkataan dan maksud perkataan tersebut. Keadaan ini menjelaskan lagi bahawa perbendaharaan kata yang luas penting untuk menguasai sesuatu bahasa.

Kanak-kanak mula sedar bahawa perkataan yang digunakan seharian boleh diklasifikasikan ke dalam empat golongan kata utama, iaitu Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif dan Kata Tugas. (Nik Safiah Karim et.al. 1996). Menurut Kail dan Wick-Neilson (1993) pula, menguasai kata dasar lebih mudah berbanding dengan kata tugas. Tambahan pula, Michael (1997) berpendapat keupayaan mengenal pasti kata dasar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan golongan kata hasil daripada penggunaan kata dasar dan imbuhan yang sesuai, dapat membantu pelajar memindahkan konsep-konsep yang dipelajari daripada satu perkataan kepada perkataan yang lain.

Lantaran itu, pembelajaran pembinaan kata yang sistematik dan praktikal melalui kata dasar dan imbuhan dapat memperkaya perbendaharaan kata murid berkenaan. (Davies, 1978). Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan bahawa perbendaharaan kata yang dikuasai oleh individu menjadi penyataan asas kemampuannya dalam berbahasa.

Kepelbagaian bahasa dan perbezaan penguasaan bahasa mewujudkan persoalan, bagaimanakah seseorang kanak-kanak boleh menguasai bahasa? Ahli-ahli psikologi dan linguistik berpendapat, pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak berlaku sedikit demi sedikit dan berperingkat-peringkat menurut perkembangan otak, iaitu sebagai hasil perkembangan fizikal anak itu sendiri. (Kamarudin, 1990).

Menurut Mangantar Simanjuntak (1987 : 158), pemerolehan bahasa ialah satu proses yang berlaku di dalam otak seseorang kanak-kanak yang melibatkan dua aspek, iaitu kecekapan (*competence*) dan perlakuan (*performance*). Kecekapan (*competence*) dan perlakuan (*performance*) yang dimiliki oleh kanak-kanak mampu menghasilkan seberapa banyak rumus-rumus bahasa bergantung pada pengetahuannya tentang peraturan bahasa yang ada. Kedua-dua perkara tersebut sangat mustahak kerana kecekapan (*competence*) berfungsi untuk menghasilkan ujaran atau ayat dalam bentuk perlakuan (*performance*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ahli psikolinguistik , Jean Piaget (1955 : 145:154) menjelaskan proses penguasaan bahasa kanak-kanak dapat dibahagikan kepada empat peringkat iaitu:

i. Peringkat motor deria
ii. Peringkat pemikiran operasi pra
iii. Peringkat operasi konkrit
iv. Peringkat operasi formal

Sesuai dengan tahap kanak-kanak pada peringkat operasi konkrit, (umur tujuh hingga dua belas tahun) mereka sewajarnya boleh menguasai bahasa dengan cara yang logik. Dalam proses menguasai bahasa pada peringkat ini, kanak-kanak harus mengetahui sebilangan perbendaharaan kata bagi membolehkan mereka berkomunikasi antara seorang dengan seorang yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya seseorang kanak-kanak dapat melahirkan buah fikirannya secara lisan atau bertulis sekiranya saiz perbendaharaan katanya sesuai dengan peringkat umurnya. Sebilangan perbendaharaan kata yang memadai merupakan asas bagi aktiviti dalam aspek lisan, bacaan dan penulisan.

Kita perlu membolehkan murid menggunakan perbendaharaan kata dalam beberapa konteks yang menimbulkan maksud atau menunjukkan suasana tertentu. Menurut Anderson & Freebody (1981), kanak-kanak yang mempunyai perbendaharaan kata yang lebih baik menunjukkan kemampuan yang lebih baik dalam ujian pemahaman. Tegasnya, kemahiran mengenal pasti perkataan merupakan komponen yang penting dalam memahami bahasa bertulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam penulisan karangan, murid dapat mengikut situasi-situasi tertentu. Penulisan karangan memerlukan kemahiran dalam menyusun kata-kata untuk dijadikan rangkaikata dan juga untuk mencapai kemahiran dalam menyampaikan idea, fakta dan sebagainya.

Menurut Straw dalam Abdul Aziz (1985: 696), faktor utama yang dianggap penting dan dapat mempengaruhi kualiti karangan ialah perbendaharaan kata, sintaksis, penyusunan dan gaya. Perbendaharaan kata turut memainkan peranan penting dalam empat kemahiran bahasa, iaitu bertutur, menulis, mendengar, dan membaca. (Ghadessy, dilihat dalam Supki Haji Sidek, 1988:727).

Dalam penilaian karangan pada peringkat sekolah rendah, karangan dinilai berdasarkan dua bahagian, iaitu aspek isi dan bahasa. Dalam aspek bahasa pula, perbendaharaan kata merupakan salah satu kriteria utama untuk mendapatkan markah yang baik. Berdasarkan skema pemeriksaan kertas bahasa Melayu UPSR, lima aspek bahasa diberikan perhatian dalam menilai karangan adalah seperti berikut.

Jadual 1.1

Skema Pemarkahan Bahasa Melayu UPSR

Aspek Bahasa	Markah yang Diperuntukkan
Perbendaharaan kata	3
Struktur ayat	3
Imbuhan	3
Tanda Baca	3
Ejaan	3
Jumlah	15

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seperti yang diperuntukkan dalam skema tersebut, perbendaharaan kata menjadi salah satu aspek yang penting untuk mendapat markah yang baik dalam karangan. Dalam hal tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat prihatin terhadap masalah ini dan sentiasa mengambil berat terhadap perkara tersebut. Berdasarkan Buku Panduan Khas Bahasa Melayu (BPKBM) yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), murid yang memasuki sekolah mulai tahun satu dikehendaki mengenal dan mengetahui sejumlah perbendaharaan kata yang disenaraikan dalam bahagian akhir buku panduan tersebut.

Sistem peperiksaan yang diwujudkan bukan sekadar dapat dilihat sebagai satu cara penilaian terhadap kemampuan murid, tetapi boleh dijadikan sebagai salah satu cara bagi kita untuk melihat arah dan kemampuan berbahasa dengan baik dalam kalangan murid yang merupakan generasi muda yang bakal menentukan jatuh bangunnya bahasa Melayu pada masa hadapan . Awang Sariyan (1980:2) berpendapat,

> Perbicaraan orang tentang kepincangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu banyak berlegar di sekitar masalah penggunaan bahasa dalam kalangan murid baik yang tergambar melalui keputusan peperiksaan mahupun yang terpancar melalui penggunaan bahasa mereka sesudah tamat sekolah, iaitu sesudah mereka menjadi pentadbir, penulis,guru dan sebagainya

Perkembangan bahasa kanak-kanak normal boleh mengalami perubahan apabila ia bersua dengan pelbagai situasi bahasa yang memerlukannya mengembangkan perbendaharaan kata demi meneruskan sesuatu reaksi. Sesungguhnya, tidak semua kanak-kanak mampu menguasai bahasa mengikut kadar yang sama daripada segi jangka masa mahupun prestasi kemahirannya. Terdapat faktor lain yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

turut mempengaruhi penguasaan perbendaharaan kata murid. Perbezaan ini amat ketara kerana ketidakseimbangan faktor-faktor tersebut yang melingkungi diri kanak-kanak.

Menurut Kajian Keciciran (1973 : 22), faktor latar belakang termasuklah pendidikan ibu bapa, taraf sosioekonomi, jarak jauh dengan sekolah, kedudukan di kawasan luar bandar dan jantina diambil kira sebagai faktor yang agak dominan mempengaruhi penguasaan bahasa.

Ibu bapa mempunyai tugas dan tanggungjawab terhadap penguasaan perbendaharaan kata anak-anak mereka. Tugas ibu bapa bukan sahaja memberi makanan dan layanan yang secukupnya serta kasih sayang yang memuaskan, tetapi daripada segi perkembangan kognitifnya juga harus dititikberatkan, yakni perkembangan pemikiran dan penguasaan bahasanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dilakukan oleh Mangantar Simanjuntak terhadap peranan yang dimainkan oleh ibu bapa, menunjukkan mereka mempengaruhi pemerolehan bahasa kanak-kanak. Menurutnya:

> "Ibu bapa merupakan satu pragmatik kepada kanak-kanak. Yang dimaksudkan dengan pragmatik ialah persekitaran atau konteks di mana sesuatu ucapan itu diterbitkan di dalam sesuatu kegiatan komunikasi. Jadi tanpa pragmatik yang cukup tidak mungkin sesuatu erti diperolehi oleh si anak"
> (1983 : 693)

Banyak kajian yang terdahulu membuktikan bahawa prestasi pelajaran murid di bandar lebih baik berbanding dengan prestasi pelajaran murid di luar bandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian yang dilakukan oleh Olive Banks (1976 : 7), faktor persekitaran keluarga yang boleh menjejaskan pencapaian kanak-kanak kelas rendah ialah kemiskinan. Kebanyakan ibu bapa daripada kumpulan status sosioekonomi rendah kurang mempunyai pandangan yang positif terhadap pelajaran. Jelaslah bahawa murid dari luar bandar rata-ratanya miskin dan mundur dalam pelajaran kerana sikap dan pengaruh keluarga mereka.

Tambah beliau, golongan miskin mengalami keadaan serba kekurangan daripada segi sosialisasi sebelum bersekolah. Daripada segi kepetahan pertuturan, intelek dan dorongan, mereka ini mundur. Murid daripada golongan miskin ini tidak mempunyai penbendaharaan kata yang cukup.

Oleh sebab terdapatnya perbezaan faktor latar belakang murid, maka pengkaji berminat untuk menjalankan kajian berhubung dengan taraf penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah.

1.2 Permasalahan Kajian

Masyarakat Melayu khususnya, gempar dengan berita tentang kemerosotan dan kegagalan sebilangan besar murid Melayu dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Awang Sariyan (1988 : 215). Rasa tidak puas hati terhadap pihak-pihak tertentu diluahkan. Ibu bapa menuduh guru tidak mengajar dengan baik. Guru pula mendakwa murid kurang berusaha. Selain itu, ditimbulkan juga soal bahasa di dalam buku teks yang kurang sempurna, sistem pengajaran bahasa di sekolah-sekolah yang tidak betul, sistem bahasa yang belum mantap dan berbagai-bagai lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beberapa kenyataan di atas ada kebenarannya, berhubung dengan kelemahan penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan murid baik pada peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Keadaan ini merujuk kepada aspek pengajaran perbendaharaan kata kurang diberi perhatian yang serius. Pengajaran perbendaharaan kata hanya merupakan satu sesi pengenalan bagi kegiatan bacaan dan kefahaman. Dalam pengajaran bacaan dan kefahaman, sesuatu petikan dibaca secara senyap oleh semua murid dan secara kuat oleh beberapa orang murid. Kegiatan seterusnya, sesi menjawab soalan ini (sama ada dijalankan di dalam kelas atau sebagai kerja rumah) diselitkan kegiatan perbendaharaan kata.

Pada keseluruhannya, bentuk-bentuk pengajaran perbendaharaan kata di sekolah boleh disimpulkan seperti yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Guru memberi penerangan secara langsung kepada murid makna perkataaan baharu dan sukar.

b) Guru meminta murid memberi makna perkataan-perkataan baharu setelah petikan dibaca.

c) Guru memberi perhatian pada beberapa perkataan yang penting dan kemudiannya meminta murid membuat ayat.

d) Memberi latihan dan kerja rumah kepada murid supaya mencari makna perkataan dan membentuk ayat dengan menggunakannya.

Pada amnya, bentuk kegiatan pengajaran perbendaharaan kata sebegini adalah terpisah-pisah. Menurut Marohaini Yusuf (1989 : 54), kegiatan pengajaran perbendaharaan kata tidak memperlihatkan perkaitan antara perkataan-perkataan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diketahui maknanya (pengetahuan sedia ada) dengan perkataan-perkataan baharu yang diperkenalkan atau diajarkan. Pembinaan pengalaman dan pengetahuan sedia ada murid tentang sesuatu perkataan atau konsep sangat perlu untuk kejayaan murid menguasai sesuatu bahasa itu.

Di sini Stieglitz (1983 : 71) menegaskan, kejayaan seseorang murid untuk menjadi cekap dan mahir dalam penggunaan apa jua bahasa sekalipun, pada sebahagiannya bergantung kepada luas dan kayanya pengalaman dan konsep-konsep yang dipelajarinya. Jika pengalaman ini tidak dijana dengan betul, maka hasilnya penguasaan perbendaharaan kata berada di tahap yang minimum.

Menurut Nathesan (1999), tanpa perbendaharaan kata yang cukup, orang tidak dapat menyatakan sesuatu dengan baik dan berkesan. Hal ini sesungguhnya amat penting bagi murid di sekolah dan di institusi pendidikan di negara kita supaya mereka tidak mengabaikan penguasaan perbendaharaan kata.

Tambah beliau, murid lemah dalam perbendaharaan kata sehingga tidak dapat menghasilkan karangan yang baik dan berkesan. Keadaan ini menimbulkan keluhan dan rintihan para guru kita di sekolah, tidak kira sekolah rendah ataupun sekolah menengah.

Murid memerlukan perbendaharaan kata yang secukupnya untuk mencapai maksud di atas. Hal ini sudah tentulah berkait rapat dengan sejauh mana murid dapat menguasai dan membentuk perkataan menurut tatabahasa yang dikuasainya. Kelemahan penguasaan perbendaharaan kata boleh menyebabkan pemilihan perkataan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi menyampaikan sesuatu pendapat itu tidak sesuai atau tidak tepat. Isi juga tidak dapat ditulis dengan sepenuhnya. Hasilnya wujudlah sebuah karangan yang kurang mutunya.

Dalam sektor pendidikan, masih banyak masalah yang kita hadapi. Mutu bahasa para pelajar dan lulusan institusi pendidikan, jelas masih pada tahap yang kurang memuaskan. Hal ini dengan sendirinya menggambarkan mutu pengajaran bahasa di semua peringkat di negara ini.

Bagi menjelaskan maksud di atas, Koh Boh Boon (1989 : 325) membuat kesimpulan dalam kajiannya, bahawa pada keseluruhannya, taraf penguasaan perbendaharaan kata yang diperlihatkan oleh kumpulan bakal guru bahasa Melayu adalah tidak memuaskan. Perlakuan yang tidak memuaskan ini adalah petunjuk jelas kekurangan dalam kecekapan bahasa Melayu dan ini dijangka memberi kesan kepada pengajaran mereka di sekolah kelak.

Kini,kita tidak seharusnya bergantung pada "rasa bahasa" atau intuisi sahaja untuk menguasai bahasa, kecuali jika maksud penguasaan bahasa itu terbatas kepada keupayaan berbahasa lisan sahaja. Penguasaan perbendaharaan kata haruslah dilakukan secara sistematik dan secara bersungguh-sungguh. Caranya tidak lain daripada mempelajari sistem bahasa dan perbendaharaan kata itu sendiri.

Hasil daripada tinjauan pendapat di atas, jelas memperlihatkan bahawa pencapaian bahasa Melayu murid adalah banyak bergantung kepada pengajaran guru di sekolah. Taraf pencapaian murid dalam bahasa Melayu mempunyai pertalian yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rapat dengan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah, seperti yang dilaporkan oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan (1979:85). Suasana dan kehendak semasa sistem pendidikan di negara ini juga perlu diberi perhatian, yang membantu memungkinkan timbulnya masalah ini.

Kelemahan-kelemahan di atas berpunca daripada berbagai-bagai faktor dan mungkin salah satu daripadanya ada kaitan dengan masalah penggunaan perbendaharaan kata yang terdapat di dalam buku teks yang tidak seimbang dengan peringkat prestasi murid yang menggunakan bahan tersebut seperti yang dinyatakan oleh Abdul Samat Saberan (1981:125). Ketidakseimbangan ini amat jelas dan seolah-olah pihak penerbit hanya memikirkan keuntungan tanpa mengambil kira langsung tentang martabat bahasa itu sendiri.

Kajian Keciciran (1973 : 48) juga mendapati bahawa wujud keadaan yang tidak seimbang yang disediakan untuk golongan fakir miskin luar bandar, berbanding dengan golongan yang beruntung di bandar. Seterusnya Kajian Keciciran ini juga melaporkan daripada segi kepetahan pertuturan, intelek dan dorongan, golongan miskin di luar bandar adalah mundur. Mereka tidak mempunyai perbendaharaan kata yang cukup. Lantaran itu, murid-murid ini tidak dapat menyampaikan buah fikiran mereka dengan baik dalam aktiviti lisan ataupun tulisan. Hal ini disokong oleh Atan Long (1988 : 287) yang menegaskan kanak-kanak daripada kelas sosioekonomi yang rendah agak lambat bercakap berbanding dengan kanak-kanak daripada kelas sosioekonomi yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Kamaruddin Abdul Rahman (1982:162) juga mendapati bahawa keadaan latar belakang boleh mempengaruhi penguasaan perbendaharaan kata. Kebanyakan daripada kajian mengenai penguasaan perbendaharaan kata yang dilakukan terhadap bahasa Inggeris di negara-negara perindustrian , mendapati bahawa terdapat hubungan antara pencapaian bahasa dengan kawasan kediaman. Walaupun faktor ini kemungkinan tidak menjadi faktor yang paling dominan tetapi ternyata ada kebenarannya berlaku, kerana penghuni-penghuni kawasan kediaman mewah kebanyakannya lebih peka terhadap penguasaan perbendaharaan kata anak-anak mereka.

Di Malaysia, kajian Ishak Haron (1977: 50-51) menunjukkan murid Melayu di bandar pada amnya, mencapai keputusan yang lebih baik daripada murid Melayu yang tinggal di luar bandar. Perbezaan pencapaian mengikut kawasan kediaman ini menyeluruh bagi semua mata pelajaran termasuk bahasa Melayu. Kecenderungan ibu bapa dalam menyediakan bahan bacaan yang sesuai bagi perkembangan minda anak-anak kian meluas dalam kalangan keluarga di luar bandar, tetapi masih lagi belum dapat menyaingi ibu bapa di kawasan bandar yang rata-ratanya mempunyai pendapatan yang lebih tinggi.

Tidak semua kanak-kanak menguasai bahasa mengikut kadar yang sama. Perbezaan ini amat ketara kerana ketidakseimbangan faktor-faktor yang melingkungi diri kanak-kanak. Beberapa keadaan memberikan kesan langsung dalam keupayaannya berbahasa. Masalah penguasaan bahasa tidak boleh selesai hanya dengan saling meletakkan kesalahan kepada pihak yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa khususnya perbendaharaan kata perlu dikaji dan tindakan perlu diambil dengan segera. Jika setiap orang dapat melaksanakan tugas masing-masing, tidak mustahil bahawa suatu masa kelak kita boleh mempunyai guru, murid, pentadbir, pensyarah, ibu bapa dan anggota masyarakat yang dapat menguasai bahasa dengan baik.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun Enam. Kajian ini diusahakan untuk melihat penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan murid sekolah rendah yang sudah didedahkan dengan konsep karangan.

Pengkaji ingin melihat secara khusus jumlah perbendaharaan kata yang dikuasai oleh setiap murid Tahun Enam yang dikaji mengikut kategori Kata Nama, Kata Kerja dan Kata Adjektif. Jumlah perbendaharaan kata yang dikuasai oleh setiap murid mengikut kawasan terletaknya sekolah mereka, iaitu kawasan bandar dan luar bandar juga dikaji.

Selain itu, faktor jantina juga diambilkira dalam menentukan penguasaan perbendaharaan kata. Pengkaji juga ingin melihat sejauh mana sosioekonomi keluarga mempengaruhi penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan murid sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Soalan-Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan menjawab soalan-soalan yang berikut:

i) Melihat sejauh mana murid Tahun enam dapat menguasai perbendaharaan kata yang sesuai dalam konteks ayat yang lengkap.

ii) Apakah perbezaan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu antara murid sekolah rendah di bandar dan di luar bandar daripada segi:

   i) kata nama

   ii) kata kerja

   iii) kata adjektif

iii) Adakah terdapat perbezaan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun enam berdasarkan jantina.

iv) Menganalisis sejauh mana pengaruh sosioekonomi keluarga terhadap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ilmiah ini diharap dapat membantu menyempurnakan proses pendidikan bahasa Melayu seperti berikut:

1. Hasil daripada kajian ini dapat diketahui penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah di bandar dan di luar bandar. Di samping itu, kajian ini dapat memberikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumat tentang pencapaian murid lelaki dan murid perempuan dalam konteks yang sama serta faktor yang dikenalpati membantu dalam proses penguasaan perbendaharaan kata.

2. Dapatan kajian yang dibincangkan dapat mencerminkan bahagian kelemahan murid khususnya penguasaan perbendaharaan kata dalam konteks ayat yang lengkap. Dengan itu, guru yang bertanggungjawab mengajar darjah yang berkenaan lebih mudah merancang strategi pengajaran dan pembelajaran bagi mengatasi kelemahan tersebut. Pihak pentadbir sekolah juga dapat mengenal pasti kelemahan penguasaan bahasa murid dan sekaligus dapat mencari teknik yang kukuh dan sesuai untuk menyelesaikan masalah berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

3. Maklumat ini juga boleh dijadikan sebagai panduan dalam menyusun dan menyediakan bahan bacaan dengan memilih perbendahraan kata yang sesuai dengan peringkat umur mereka. Kepentingan ini boleh dimanfaatkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum dalam merangka dan memperkemaskan kurikulum mata pelajaran bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah.

4. Kajian ini juga dapat memberi bantuan kepada pihak penerbit buku dalam mempertimbangkan pemeringkatan kesukaran perkataan-perkataan atau ayat-ayat yang hendak didedahkan kepada murid yang berada dalam pelbagai peringkat kemahiran dan penguasaan bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Kajian ini juga berguna kepada ibu bapa. Dengan pendedahan ini, ibu bapa dijangka menyedari tentang peranan dan tanggungjawab mereka dalam membantu meningkatkan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu anak-anak sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

6. Kajian ini diharap dapat memberikan panduan kepada murid tentang kepentingan mereka menguasai perbendaharaan kata yang luas untuk digunakan dalam aspek-aspek bahasa seperti dalam lisan, bacaan, penulisan dan kefahaman. Selain itu, murid dapat menguasai bagaimana menggunakan perkataan yang sesuai dan tepat bagi menyatakan idea atau isi, agar disampaikan dengan jelas dan terang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7. Kajian ini menjelaskan dan memberi kefahaman tentang pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan murid bukanlah semata-mata merupakan soal pengajaran di bilik darjah tetapi soal sosial dan ekonomi keluarga itu sendiri.

1.6 Batasan Kajian

Berdasarkan hasil kajian yang terdahulu, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian murid dalam bidang akademik, khususnya penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun kajian ilmiah ini ditulis dengan merujuk kepada data soal selidik dan ujian bertulis pada peringkat sekolah rendah sahaja. Tumpuan diberikan kepada murid Tahun enam dengan dua lokasi yang berbeza iaitu:

1. SK Manjoi 1 , Ipoh (mewakili sekolah bandar)
2. SK Jalan Panglima Bukit Gantang, Ipoh (mewakili sekolah bandar)
3. SK Jalan Pengkalan Pegoh , Lahat (mewakili sekolah luar bandar)
4. SK Pengkalan Baru , Kampung Kepayang (mewakili sekolah luar bandar)

Kajian yang lalu sering mengambilkira beberapa faktor utama yang membantu penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu seperti peluang pendidikan, sifat fizikal sekolah, pembelajaran dan sikap murid, motivasi dan galakan serta kaedah pengajaran guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun dalam kajian ini pengkaji memilih faktor sosioekonomi keluarga sebagai salah satu faktor yang dianggap memberi kesan dalam proses penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah kerana terdapat banyak perkara atau pembolehubah yang boleh dikaitkan dengannya.

Kajian ini, dibataskan kepada perkara seperti berikut:

1. latar belakang pendidikan keluarga
2. Pendapatan keluarga
3. Besar atau kecilnya jumlah ahli sesebuah keluarga
4. Peranan ahli keluarga
5. Aspek kebendahaan yang disediakan di rumah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai kesimpulannya kajian ini membincangkan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah di bandar dan di luar bandar. Faktor lokasi dan faktor sosioekonomi keluarga diambil kira sebagai penyumbang terbesar dalam menentukan pencapaian penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah.

1.7 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Di bawah ini, dijelaskan maksudnya sepertimana yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

1.7.1 Penguasaan bahasa

Penguasaan bahasa merujuk aspek atau bidang perkataan yang dikuasai oleh murid berdasarkan setiap perkataan yang disediakan. Bidang ini merangkumi istilah-istilah dalam pelbagai bidang, bentuk kata dan rangkaian kata yang sesuai dengan keupayaan murid tersebut. Perkataan yang diketahui dan dikuasai boleh menggambarkan luas atau tidak penguasaan individu tersebut.

1.7.2 Perbendaharaan Kata

Kumpulan atau saiz perkataan yang dikuasai oleh murid yang dapat menunjukkan pelbagai aspek atau maksud yang tersurat dan tersirat. Makna pula merangkumi makna menurut konsep, fungsi, jenis, kegunaan dan penggunaan perkataan dalam pelbagai konteks bahasa, laras dan ragam bahasa. Fowler (1982) berpendapat perbendaharaan kata sebagai:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Perbendaharaan kata mungkin dilihat sebagai satu peta yang terdiri daripada penjelmaan fikiran yang penting sesuatu budaya... lahir daripada bidang kepakaran tertentu, institusi dan perhubungan, kepercayaan, dan nilai-nilai sesuatu komuniti.
> (m.s.65)

1.7.3 Bahasa Melayu

Perlembagaan Malaysia Perkara 152, menyatakan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara Malaysia. Berdasarkan Akta Pelajaran 1956 (Laporan Razak) dan Laporan Rahman Talib 1960, bahasa Melayu dijadikan bahasa penghantar di semua sekolah bantuan kerajaan daripada peringkat rendah hingga ke institusi pengajian tinggi. (kecuali sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil). Akta Bahasa 1965/1967 menyatakan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi. Mulai tahun 1970, semua murid Tahun satu menggunakan bahasa penghantar bahasa Melayu (kecuali sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil).

Pertukaran nama 'Bahasa Melayu' kepada 'Bahasa Malaysia' bermula selepas tragedy 13 Mei 1969. Atas kepentingan politik nasional, pertukaran tersebut bagi tujuan pemupukan perasaan ' Bahasa Malaysia' milik semua bangsa di Malaysia. Penggunaan perkataan Bahasa Malaysia berlanjutan sehingga tahun 1998. Setelah kestabilan politik kebangsaan meredakan keadaan, dan kini ungkapan Bahasa Melayu digunakan semula dalam pendidikan.

1.7.4 Murid Tahun Enam

Murid Tahun enam bermaksud semua murid yang sedang belajar dalam tahun keenam, iaitu tahun terakhir sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.5 Sekolah Rendah

Sekolah rendah ialah peringkat persekolahan antara umur tujuh hingga dua belas tahun. Murid-murid sekolah rendah menggunakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan diwajibkan mengambil peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) di akhir Tahun Enam.

1.7.6 Bandar

Menurut Laporan Banci Tahunan Malaysia (1980:8), kawasan Majlis Daerah yang mempunyai jumlah penduduk seramai 10,000 orang atau lebih dianggap sebagai bandar. Kawasan bandar sememangnya mempunyai kemudahan asas yang lengkap dan masyarakat bandar rata-ratanya menjalani hidup yang selesa daripada segi taraf hidup. Masyarakat bandar berbeza dengan masyarakat luar bandar dalam aspek seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. jenis dan corak pekerjaan yang luas
ii. keadaan saiz masyarakat yang lebih besar
iii. bilangan penduduk yang ramai
iv. peluang mobiliti sosial yang lebih tinggi
v. adanya dunia sosial yang lebih besar

1.7.7 Luar Bandar

Menurut Laporan Banci Tahunan Malaysia (1980:8), semua kawasan Majlis Daerah yang mempunyai penduduk kurang daripada 10,000 orang dianggap sebagai kawasan luar bandar. Menurut Atan Long, masyarakat luar bandar kebanyakkannya berada dalam keadaan miskin, mengamalkan cara kehidupan yang kerap dihubungkan dengan cara tradisi atau kebiasaannya yang diwarisi turun -temurun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun suasana di luar bandar adalah tenang, kurang bergolak dan semuanya berjalan tanpa terburu-buru namun, kemudahan pendidikan masih jauh tertinggal jika dibandingkan dengan keadaan di bandar. Masyarakat luar bandar mengalami pembangunan yang perlahan berbanding dengan pembangunan sosial yang progresif di bandar. Masyarakat luar bandar berbeza dengan masyarakat bandar dalam aspek seperti berikut:

vi. jenis dan corak pekerjaan yang terhad
vii. keadaan saiz masyarakat yang lebih kecil
viii. bilangan penduduk yang lebih rendah
ix. kualiti alam sekitar yang lebih tinggi
x. perbezaan sosial yang lebih kompleks
xi. peluang mobiliti sosial yang lebih rendah
xii. adanya dunia sosial yang lebih kecil
xiii. perpaduan sosial yang lebih kuat

Perkara ini menyebabkan mereka kurang bersedia untuk menerima pengajaran guru. Dalam kajian ini pembahagian bandar dan luar bandar dilakukan menurut kriteria yang disebut di atas oleh pengkaji.

1.7.8 Jantina

Menurut Kamus Dewan Edisi Baharu (1993: 518) jantina diistilahkan sebagai jenis kelamin (laki-laki atau perempuan)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.9 Sosioekonomi

Daripada laporan kajian keciciran yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1973 mentakrifkan sosioekonomi sebagai satu istilah untuk menyatakan kedudukan seseorang berbanding dengan orang lain. Biasanya pekerjaan dan pendidikan digunakan untuk menempatkan seseorang pada beberapa peringkat dalam tangga taraf sosioekonomi. Menurut laporan tersebut, ada tiga kategori yang biasa digunakan untuk menentukan taraf seseorang.

Kategori ini adalah tinggi, sederhana dan rendah. Seseorang yang menerima pendidikan di universiti menerima pendapatan yang lumayan dan mempunyai kehidupan yang senang, ditempatkan pada kedudukan taraf sosioekonomi yang tinggi berbanding dengan orang lain. Seseorang yang tidak mempunyai pendidikan tinggi ataupun tidak berpendidikan, berpendapatan kecil, menghadapi kehidupan yang sempit, ditempatkan pada taraf sosioekonomi yang rendah. Seseorang yang menduduki tempat yang sederhana, iaitu tidak kaya atau miskin ditempatkan pada taraf sosioekonomi yang sederhana.

1.7.10 Keluarga

Menurut Kamus Dewan Edisi Baharu (1993: 620) keluarga bermaksud seisi rumah tangga yang terdiri daripada suami dan isteri atau berserta anak-anak.

1.7.11 Penulisan Karangan

Penulisan bermaksud perihal atau kegiatan yang berkaitan dengan menulis atau mengarang, atau hasil daripada menulis atau mengarang (Kamus Dewan, 1993:1484). Penulisan merupakan satu proses kreatif yang melibatkan faktor-faktor kognitif dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

linguistik, dan proses pemindahan idea daripada minda kepada kertas tulis. Karangan pula bermaksud rekaan, gubahan atau ciptaan seperti cerita, cerpen, novel, dan lain-lain (Kamus Dewan, 1993). Mengarang bererti membuat beberapa ayat yang berhubungan dengan betul bagi menceritakan perihal sesuatu perkara. Setiap ayat itu terbina daripada beberapa perkataan yang tersusun sehingga dapat memberikan kefahaman.

1.7.12 Kata Nama

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (1997), kata nama ialah sejumlah perkataan yang boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama, dan lazimnya perkataan demikian menamakan orang, tempat, benda, atau konsep.

1.7.13 Kata Kerja

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (1997), kata kerja ialah perkataan yang menjadi inti bagi binaan atau konstruksi frasa kerja. Frasa kerja terdiri daripada kata kerja yang boleh disertai beberapa unsur lain seperti kata bantu, objek, pelengkap, ayat komplemen, dan keterangan.

1.7.14 Kata Adjektif

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (1997), kata adjektif, yang juga dikenal sebagai kata sifat, ialah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Frasa adjektif boleh terdiri daripada hanya satu kata adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif dan unsur-unsur keterangan yang lain seperti kata bantu dan kata penguat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Pengkaji sedaya upaya menyenaraikan seberapa banyak hasil penulisan dan kajian yang dijalankan tentang perbendaharaan kata dalam kalangan murid sekolah rendah dari dalam negara dan luar negara. Faktor-faktor yang menimbulkan jurang besar terutama dalam pencapaian dan kemampuan berbahasa kanak-kanak dikaji. Ditinjau juga hubungan pengaruh sosioekonomi keluarga terhadap penguasaan perbendaharaan kata pada peringkat sekolah rendah. Justeru, tinjauan terhadap kajian yang berkaitan dapat dijadikan sebagai panduan dan perbandingan bagi merangka penulisan ilmiah ini.

2.2 Konsep Penguasaan Bahasa

Kepentingan bahasa dalam kehidupan manusia menyebabkan manusia tidak jemu-jemu mengkaji bahasa sejak dahulu hingga sekarang. Ilmu yang mengkaji hubungan antara bahasa dan kaitannya dengan penggunaannya dikenal sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

psikolinguistik. Psikolinguistik mengkaji perkaitan antara peranan bahasa dengan proses mengingat, membuat persepsi, pemerhatian dan pembelajaran. Disiplin ini juga memberi perhatian kepada pengaruh ingatan terhadap pertuturan dan kefahaman dan meneliti aspek penguasaan dan perkembangan bahasa kanak-kanak.

2.2.1 Perkembangan Bahasa dan Kognitif

Apabila seseorang menyampaikan pendapat, kritikan ataupun idea, sebenarnya ia mengutarakan perkara-perkara yang berlaku di persekitarannya, sama ada yang dialami secara langsung atau tidak langsung. Pengutaraan pendapat ini bererti ia menjana kognisi dan berkomunikasi ataupun menyampaikan idea dalam minda dengan menggunakan bahasa. Keadaan ini menunjukkan bahawa bahasa merupakan wahana untuk berfikir tentang objek-objek dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan kita (Kagan & Haveman, 1980). Jaringan hubungan ini menunjukkan bahawa bahasa dan kognisi mempunyai kaitan yang rapat.

Perkataan-perkataan yang digunakan oleh manusia tergolong dalam kumpulan konsep. Pembelajaran sesuatu konsep pula hanya terjadi apabila kanak-kanak mencapai tahap kematangan yang tertentu (Juriah et.al. 1993). Tahap kematangan kanak-kanak bermaksud kematangan fizikal, mental dan pengalaman yang patut dikuasai sesuai dengan umur mereka. Proses kematangan ini berlaku secara berturutan (Sprinthall & Sprinthall, 1990).

Penggunaan konsep membantu kepelbagaian dan kedinamisan proses pemikiran manusia. Pada kebiasaannya, manusia mengaitkan konsep baharu dengan pengalaman sedia ada ataupun rangka konsep yang ada dalam pemikiran. Setiap satu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konsep itu mempunyai kaitan dengan perkataan-perkataan lain yang membentuk satu kategori yang lebih besar. Maklumat-maklumat baharu yang diperoleh oleh individu, membantunya untuk meluaskan konsep yang sedia ada. Perkara-perkara baharu yang diperoleh ini, mendedahkan individu kepada istilah-istilah khusus untuk membolehkan ia mengetahui sesuatu perkara dengan lebih terperinci. Mempelajari perkataan menurut kategori juga merupakan strategi pembelajaran yang biasa diamalkan oleh murid yang mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi (Pendarvis, Howley & Howley, 1990).

Bahasa berubah apabila pemikiran manusia berubah. Istilah-istilah baharu muncul ataupun jika sesuatu istilah tiada dalam bahasa tersebut, unsur-unsur peminjaman boleh berlaku (Kagan & Haveman, 1980). Keperluan kepada istilah-istilah dalam sesuatu bidang, berlaku secara meluas akibat perkembangan teknologi maklumat masa kini. Sementara itu, pemikiran manusia boleh juga dibataskan oleh bahasa. Namum demikian, otak manusia tetap berupaya untuk mengubah suai bahasa demi kepentingan diri. Sebagai contoh, istilah-istilah akronim muncul dalam bahasa Melayu bagi memendekkan istilah yang panjang dan agak rumit serta mengganggu kelancaran bahasa.

Contoh akronim dalam bahasa Melayu ialah pawagam (panggung wayang gambar) dan berdikari (berdiri di atas kaki sendiri). Kemunculan istilah-istilah ini membuktikan hasil kedinamisan pemikiran ahli-ahli bahasa ini (Nik Safiah Karim et.al.1996). Batasan pemikiran boleh mewujudkan bentuk bahasa ataupun istilah baharu sebagai mengisi kekurangan bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penutur bahasa di dunia ini, mempunyai cara mentakrif dunia persekitaran dan juga global berbeza daripada penutur bahasa lain. Konsep-konsep yang digunakan juga berbeza antara satu sama lain seperti konsep kesamaan dan hubungan-hubungan yang wujud dengan apa yang dilihat. Kajian klasik Whorf (1956) mendapati bahawa kaum India Amerika menggunakan satu perkataan sahaja untuk benda-benda yang terbang. Benda-benda ini termasuklah serangga, kapal terbang dan juruterbang.

Kajian Whorf (1956) juga mendapati bahawa bahasa-bahasa di dunia ini tiada alat mengukur bahasa untuk membezakan sesuatu perlakuan yang telah, sedang dan akan berlaku. Perbezaan ini menurut Whorf (1956) boleh mempengaruhi si penutur bahasa tersebut terhadap pandangannya terhadap dunia (*world view*), cara mengurus dan memikirkan dunia tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Banyak persamaan wujud dalam kalangan bahasa-bahasa di dunia ini berbanding dengan perbezaan. Perkara paling ketara dalam persamaan ini ialah benda-benda yang boleh dilihat oleh mata kasar dan peristiwa yang dialami. Perasaan ingin tahu terhadap perkara-perkara tersebut menyebabkan individu mengetahui nama, menyusun menurut konsep dan kategori, membuat penaaklukan dan cara berfikir tentang perkara-perkara tersebut (Kagan & Havemann, 1980).

Kewujudan persamaan dalam kalangan bahasa-bahasa di dunia ini, boleh melambangkan penaaklukan budaya si penutur tersebut. Kay (1975:257) menerangkan bahawa pelbagai budaya mempunyai istilah yang tertentu terhadap warna, sama ada warna-warna primer atau warna sekunder walaupun si penutur itu bertutur dalam bahasa yang berbeza. Begitu juga kajian Clark & Clark (1977)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan istilah-istilah untuk ukuran tinggi dan panjang dirujuk kepada ukuran yang sama dalam bahasa-bahasa lain, selain bahasa Inggeris.

Persoalan yang timbul ialah apakah kesan kepada kanak-kanak sekolah yang kurang perbendaharaan kata, walaupun dikatakan bahasa-bahasa di dunia ini banyak persamaan? Menurut Whorf (1956) kanak-kanak yang memulakan alam persekolahan dengan sejumlah perbendaharaan kata yang terhad, akan menangani masalah pembelajaran dengan cara yang terhad juga, berbanding dengan kanak-kanak yang luas perbendaharaan kata. Perkembangan mental kanak-kanak ini agak lambat kerana kurang upaya untuk berbahasa. Proses-proses kognitif ini boleh dipengaruhi oleh kepelbagaian penggunaan bahasa dan juga perbezaan dalam perbendaharaan kata yang dikuasai oleh penutur bahasa yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Perkembangan bahasa kanak-kanak normal mengalami perubahan apabila ia bersua dengan pelbagai bentuk bahasa yang memerlukannya mengembangkan perbendaharaan kata. Ahli psikologi berpendapat bahawa jangka masa lapan tahun merupakan tahun-tahun perkembangan yang paling kritikal dan pesat untuk kanak-kanak. Pada masa yang sama, kanak-kanak mudah untuk menerima pengaruh bahasa pertama yang didedahkan sejak awal lagi.

Proses pembelajaran merupakan proses mental bukan proses mekanis. Kanak-kanak menyerapkan dan menyesuaikan pengetahuan yang sedia ada di dalam otak (skema mental dengan data-data yang diperoleh daripada persekitaran) (Juriah et.al. 1993) Proses ini menunjukkan bahawa kanak-kanak lebih mudah mempelajari ilmu pengetahuan daripada persekitaran untuk digunakan pada hari kemudian nanti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi membincangkan penguasaan bahasa dan kognisi dengan lebih terperinci, perlulah dilihat pandangan ahli-ahli psikologi perkembangan kognitif tentang hal ini. Dua orang ahli psikologi perkembangan kognitif yang dimaksudkan ialah Jean Piaget dan Lev Semenovich Vygostky.

2.2.2 Penguasaan Bahasa Berlandaskan Teori Pembelajaran Kognitif Piaget

Jean Piaget (1963) seorang ahli psikologi terkenal berbangsa Swiss berpendapat bahawa perkembangan kognitif memainkan peranan utama dalam pemerolehan bahasa. Menurutnya lagi perkembangan ini dianggap sebagai perkembangan cara kanak-kanak berfikir (perkembangan kognitif) bukan hanya setakat perkembangan apa yang diketahui oleh seseorang. Tambahan pula, beliau menggangap kanak-kanak merupakan saintis muda yang perlu melalui beberapa proses untuk memperoleh sesuatu yang dicari. Ia terpaksa melalui setiap tahap perkembangan sehinggalah apa yang dicari tersebut dapat ditemuinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Piaget (1963) tidak menyangkal wujudnya perbezaan antara orang dewasa dan kanak-kanak. Perbezaan ini dapat dikesan secara kuantitatif dan kualitatif. Cara berfikir terutama sekali semasa menyelesaikan masalah antara individu dewasa dan kanak-kanak, membezakan kematangan pemikiran mereka. Piaget lebih menitikberatkan perubahan kualitatif dalam perkembangan penaakulan, pemahaman dan kefungsian persekitaran berlandaskan hirarki perkembangan yang dikemukakan oleh ahli psikologi tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hirarki perkembangan ini menurut Piaget (1963) merangkumi empat peringkat perkembangan iaitu:

i.	motor deria	0-2	tahun
ii.	operasi pra	2-6	tahun
iii.	operasi konkrit	7-12	tahun
iv.	operasi formal.	Lebih 12 tahun	

Menurut Piaget (1963) lagi, semua kanak-kanak melalui keempat-empat peringkat perkembangan kognitif dan bahasa. Namun begitu, terdapat kontroversi tentang bila dan bagaimana kognisi boleh menyemarakkan perkembangan bahasa kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak pada peringkat motor deria banyak bergantung kepada persekitaran sahaja. Komunikasi yang berlaku lebih berunsurkan aktiviti-aktiviti praktikal yang terikat kepada pengalaman dan kedaifan kanak-kanak dalam berbahasa. Gerakan pantulan yang dilakukan oleh kanak-kanak pada peringkat ini, adalah latihan menguatkan otot-otot fizikal dan mental untuk perkembangan diri dalam peringkat seterusnya.

Kanak-kanak begitu gemar bertutur apabila berusia dua tahun. Perkembangan pertuturan yang mendadak ini berlaku sejajar dengan perkembangan kognitif. Pada peringkat inilah kanak-kanak mula mempelajari pembinaan ayat, iaitu daripada ayat yang pendek (mudah) kepada yang panjang. Sifat ingin tahu membolehkan mereka menanyakan soalan-soalan yang dapat memberikan mereka jawapan yang memuaskan hati. Sebagai kebiasaan, kanak-kanak kurang berpuas hati dengan jawapan yang diberikan disebabkan oleh sifat ingin tahu tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sewaktu usia kanak-kanak mencapai lima hingga tujuh tahun, berlakulah perubahan yang amat ketara dalam diri mereka. Ada pula yang mengatakan bahawa pada usia lima hingga sebelas tahun, kanak-kanak memiliki perkembangan kognitif yang agak maju. Peringkat kemajuan kognitif ini dikenali sebagai Peringkat Operasi Konkrit atau dikenali juga sebagai Operasi Mental.

Kanak-kanak pada usia tujuh tahun masih belum dapat menguasai makna perkataan, metafora ataupun peribahasa. Hanya apabila usia mereka meningkat kepada sembilan atau sepuluh tahun, barulah kanak-kanak mempunyai pengetahuan yang lebih matang dan mantap. Banyak asas bagi istilah atau perkataan dan konsep dalam bentuk jaringan daripada pelbagai bidang ilmu dibina pada peringkat ini. Kanak-kanak kini lebih prihatin terhadap istilah dan makna perkataan sama ada yang tersurat atau tersirat. Unsur-unsur metafora mula difahami apabila kanak-kanak diperkenalkan kepada perkataan atau istilah yang lebih luas lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Pada Peringkat Operasi Konkrit, kanak-kanak lebih seimbang daripada segi pemikiran berbanding semasa berada dalam peringkat yang terdahulu. Ciri-ciri asas pada peringkat ini ialah:

i) berupaya mengenal pasti keseimbangan tentang keadaan fizikal secara logik
ii) menyedari bahawa elemen-elemen boleh berubah tetapi masih mengekalkan ciri-ciri asasnya
iii) memahami bahawa perubahan-perubahan ini boleh diterbalikkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada peringkat ini, usia kanak-kanak semakin meningkat dan ia perlu menangani masalah yang tiba dengan lebih matang serta pemikiran yang terbuka. Perincian perkembangan mental kanak-kanak peringkat ini seperti yang berikut:

1. Proses penaakulannya menjadi logik. Dia mempunyai operasi logik yang boleh digunakan bagi situasi-situasi konkrit.
2. Dia tidak lagi mengalami kesulitan dalam menyelesaikan masalah-masalah pengekalan.
3. Apabila berhadapan dengan keadaan yang memerlukan penilaian persepsi dan penilaian logik, dia tidak terikat atau terkongkong dengan penilaian yang berasaskan persepsi.
4. Komunikasi berbentuk koperatif dan bukan egosentrik sudah muncul.
5. Begitu juga terdapat konsep-konsep sebab-musabab, konsep ruang, konsep masa dan konsep kelajuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ciri-ciri yang disenaraikan di atas menunjukkan yang kanak-kanak tersebut mulai mengalami perubahan cara berfikir. Pada peringkat ini, mereka berupaya untuk menyenaraikan sesuatu menurut kelas dan hubungan dalam satu sistem yang bersatu atau kesatuan. Kesedaran terhadap kelas dan kesatuan turut memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak berkenaan. Kanak-kanak ini lebih peka terhadap perkataan dan pengkelasan kata. Mereka juga lebih berkeyakinan untuk menentukan perkataan menurut sistem atau peraturan yang ditetapkan.

Piaget (1963) menguji kanak-kanak pada peringkat ini dengan meminta mereka mengisi air yang sama banyak ke dalam gelas yang berbagai bentuk. Beliau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapati kanak-kanak pada peringkat ini dapat menerima hakikat bahawa pengekalan masih wujud ataupun berlaku perubahan.

Unsur yang sama diterapkan dalam bahasa khasnya dalam pembinaan perkataan-perkataan baharu. Sebagai contoh, kata dasar senarai, apabila diimbuhkan boleh menjadi disenarai, menyenaraikan, penyenaraian mahupun menjadi senarai semak apabila dimajmukkan. Perkataan-Perkataan ini boleh dipecahkan semula kepada kata dasar senarai. Walaupun mengalami perubahan, perkataan senarai masih tetap membawa maksud yang hampir sama.

Kanak-kanak mula memahami unsur-unsur kebalikan, iaitu ia berupaya untuk menolak secara mental mana-mana perubahan yang berlaku. Mereka berpeluang untuk membuat pilihan, sama ada untuk memilih yang terbaik, yang sesuai atau paling tepat dengan kehendak situasi atau persekitaran. Keupayaan kanak-kanak menguasai unsur kebalikan bererti pada peringkat ini, mereka menguasai pemikiran dua hala.

Kini, mereka faham sistem ataupun peraturan yang terdapat dalam bahasa, menggunakan unsur kebalikan sama ada yang berbentuk formal atau tidak formal. Kefahaman tentang kesesuaian penggunaan perkataan dan rangkai kata memberi peluang kepada kanak-kanak untuk meluaskan lagi pengetahuan berbahasa dan juga lain-lain pengetahuan yang berkaitan.

Operasi pengkelasan merupakan salah satu operasi yang dikuasai pada peringkat ini. Operasi ini bergantung kepada keupayaan pelajar untuk menfokuskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

objek-objek dalam satu set siri dan mengumpul (menyusun) objek-objek menurut ciri-ciri tersebut. Ujian-ujian yang diberikan oleh Piaget (1964) ialah mengklasifikasikan dua belas objek menurut warna dan bentuk.

Pengkelasan yang lebih lanjut pada peringkat ini merangkumi keupayaan mengenal pasti kesesuaian antara satu sama yang lain. Sebagai contoh dalam bahasa Melayu, kanak-kanak mula sedar bahawa perkataan-perkataan yang digunakan seharian boleh diklasifikasikan ke dalam empat kelas kata utama, iaitu Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif dan Kata Tugas (Nik Safiah Karim et. al. 1996).

Pengkelasan turut berkait rapat dengan kebalikan. Keupayaan untuk membalikkan proses mental memberi peluang kepada kanak-kanak peringkat ini untuk mengerti bahawa terdapat lebih daripada satu cara untuk menentukan kumpulan-kumpulan objek. Sebagai contoh, kanak-kanak pada peringkat ini memahami bahawa butang boleh diklasifikasikan menurut warna, saiz ataupun jumlah lubang. Begitu juga dengan perkataan-perkataan yang diberikan imbuhan, boleh berubah kepada kelas kata yang baharu ataupun masih kekal dalam kelas kata yang asal (Nik Safiah Karim et. al. 1996).

Proses menyenarai menurut siri memerlukan kanak-kanak memahami hubungan ataupun kaitan sesuatu perkara atau benda secara logik. Kemahiran ini menghendaki kanak-kanak menyusun menurut urutan daripada besar kepada kecil dan sebaliknya. Kanak-kanak pada peringkat ini memahami angka 1,2, 3 manakala 2 lebih besar berbanding dengan 1 tetapi lebih kecil daripada 3. Daripada segi bahasa pula, kanak-kanak mempelajari suku kata, perkataan dan ayat. Kanak-kanak kini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memahami perkataan wujud apabila suku kata digabungkan tetapi kedudukan ayat adalah lebih tinggi daripada perkataan.

Alam persekolahan memperkenalkan kanak-kanak dengan bahasa formal. Pembelajaran bahasa ini berbentuk formal dengan penggunaan perkaedahan pengajaran yang terancang (Juriah et.al, 1993). Hal ini amat berbeza sewaktu kanak-kanak tersebut masih kecil. Peraturan-peraturan bahasa dipelajari secara tidak langsung ataupun pada kebiasaannya peraturan-peraturan tersebut diketepikan sama sekali. Kini, mereka didedahkan kepada pelbagai peraturan bahasa yang memerlukan mereka mengubah suai pengetahuan sedia ada.

Bahasa bukan sahaja berperanan sebagai media untuk tujuan interaksi sosial, malah membantu kanak-kanak menerokai bidang baharu. Penerokaan ke dalam bidang-bidang baharu memerlukan kanak-kanak menguasai bahasa dengan baik. Keperluan kepada bahasa ini, menyebabkan unsur-unsur asimilasi dan akomodasi mula dipraktikkan oleh kanak-kanak dalam kehidupan seharian.

Penerokaan ke dalam bidang-bidang baharu memberi peluang kepada kanak-kanak mempelajari berbagai-bagai prinsip, istilah dan konsep sama ada secara langsung atau tidak langsung. Perkembangan perbendaharaan kata kanak-kanak banyak merangkumi istilah-istilah formal, sesuai dengan situasi persekolahan yang mereka alami. Pengetahuan dan pengalaman menguasai perbendaharaan kata sewaktu berada pada peringkat Operasi Pra, kini digunakan sebagai asas untuk memperkembangkan lagi perbendaharaan kata secara terancang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sesungguhnya, pada Peringkat Operasi Konkrit, kanak-kanak mula mengendalikan operasi-operasi seperti pengekalan, pengkelasan dan penyenaraian menurut siri. Sistem pemikiran logik dikembangkan walaupun masih terikat kepada reality fizikal. Unsur-unsur logik ini bermaksud bahawa situasi-situasi konkrit boleh diuruskan, dikelaskan atau dimanupulasi menurut pilihan sendiri.

Penyelesaian masalah bukan lagi berbentuk cuba jaya, tetapi kanak-kanak berkeupayaan melakukan sendiri menurut operasi-operasi yang dikuasai. Selain itu, peringkat ini turut menjadi kayu pengukur sama ada kanak-kanak berjaya memperoleh dan menguasai bahasa kedua dengan baik atau sebaliknya. Keadaan ini banyak bergantung kepada asas berbahasa, khasnya penguasaan perbendaharaan kata yang diperoleh sewaktu kanak-kanak masih kecil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

2.2.3 Penguasaan Bahasa Berlandaskan Teori Pembelajaran Kognitif Vygotsky

Pandangan Vygotsky (1978), seorang ahli psikologi Rusia terhadap penguasaan bahasa kanak-kanak agak berbeza daripada pandangan Piaget (1963). Jika Piaget (1963) menganggap kanak-kanak sebagai seorang saintis muda (yang bersifat ingin tahu), Vygotsky (1978) pula beranggapan bahawa perkembangan kognitif kanak-kanak ditentukan oleh budaya dunia kanak-kanak itu sendiri. Tanggapan Vygotsky ini disokong oleh Cohen (1969) yang berpendapat bahawa kecerdasan lebih menjurus kepada kepelbagaian tindak balas terhadap rangsangan persekitaran dan juga pengalaman.

Pada peringkat permulaan, bahasa dan pemikiran berkembang secara berasingan. Walau bagaimanapun dunia persekitaran kanak-kanak mempengaruhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemikiran apabila umurnya menjangkau dua tahun. Pada masa inilah dikatakan bahasa dan pemikiran mula bergabung. Segala pengetahuan, idea, sikap dan nilai berkembang melalui interaksi kanak-kanak tersebut dengan orang lain. Pengetahuan bahasa itu diperolehi secara kolektif untuk memperkaya dan memperteguh penguasaan bahasa individu tersebut pada peringkat yang lebih tinggi.

Oleh itu, kefahaman kognitif kanak-kanak terhadap dunia diluahkan melalui bahasa yang semakin hari semakin berkesan dan bermakna dalam menentukan hala tuju pemikiran serta tindakan yang boleh diambil. Kebanyakan daripada interaksi pemikiran menjadi bahasa penghayatan kanak-kanak berkenaan. Keadaan ini menunjukkan bahawa bahasa memainkan peranan utama dalam menentukan perkembangan kognitif kanak-kanak. Pandangan Vygotsky (1978) ini berbeza daripada pandangan Piaget (1963) yang menyatakan bahawa perkembangan kognitif menguasai perkembangan bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Vygotsky (1986) juga menitikberatkan zaman perkembangan pertuturan egosentrik (*egocentric speech*). Tahun-tahun kemuncak pertuturan peribadi ini berlaku pada masa umur kanak-kanak lima hingga tujuh tahun. Menurut Vygotsky (1986), pertuturan egosentrik atau pertuturan peribadi bukanlah bermaksud tidakmatangan kognitif. Sebaliknya, perlakuan tersebut merupakan petanda bahawa kanak-kanak berkenaan sedang berkomunikasi. Komunikasi peribadi ini dilakukan dengan tujuan menjadi panduan dari aspek tingkah laku dan cara berfikir.

Kanak-kanak pada peringkat egosentrik dikatakan sedang berlatih kemahiran bertutur, seolah-olah ia benar-benar sedang berkomunikasi dengan orang lain. Kanak-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak menggunakan perbendaharaan kata yang dikuasai dan menyusun ayat-ayat menurut keperluan situasi yang sedang dibualkan. Latihan kemahiran bertutur secara bersendirian ini pada pandangan Vygotsky (1978) ialah kemahiran membentuk keyakinan diri kanak-kanak dalam mengutarakan pendapat mereka apabila berkomunikasi.

Pertuturan egosentrik juga turut membantu kanak-kanak menggunakan perkataan yang lebih baik atau tepat, untuk memenuhi keperluan sesuatu situasi. Apabila kanak-kanak semakin matang, pertuturan peribadi yang dilakukan secara kuat (verbal) berubah menjadi bisikan apabila kanak-kanak menjangkau usia sembilan tahun. Namun begitu, kanak-kanak cerdas melalui tahun-tahun transisi ini dengan lebih cepat lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tempoh transisi ini amat penting bagi Vygotsky (1986) kerana merupakan proses asas dalam perkembangan kognitif. Melalui proses inilah kanak-kanak menggunakan bahasa untuk memenuhi aktiviti-aktiviti kognitif yang penting seperti mengarahkan penumpuan, menyelesaikan masalah, merancang, membentuk konsep-konsep dan membina kawalan diri.

Seperti biasa, kanak-kanak menggunakan pertuturan peribadi apabila menghadapi masalah ataupun merasa bingung semasa melakukan kesalahan. Individu dewasa turut menggunakan pertuturan peribadi untuk mengingat, memberi kiu, memberi semangat ataupun memandu diri semasa terdesak. Jika berada dalam keadaan yang lebih tertekan, individu boleh mengeluarkan suara yang kuat ataupun bercakap sendirian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa amat penting dalam perkembangan kognitif kanak-kanak. Vygotsky (1986) berpendapat bahawa bahasa menyediakan ruang untuk kanak-kanak meluahkan idea dan bersoal jawab di samping membentuk katergori baharu bagi melabelkan objek atau perkataan tersebut . Latihan mengkategori benda ataupun perkataan secara tekal boleh membentuk keseimbangan ahli dalam sesuatu kategori tersebut. Oleh itu, adalah lebih mudah untuk mempelajari perkataan baharu yang ada kaitan dengan kategori-kategori yang separa wujud dalam mental.

Vygotsky (1986) menyatakan bahawa kita sering berfikir dalam bentuk perkataan dan ayat-ayat yang tidak lengkap apabila berhadapan dengan masalah. Bagi tujuan penyelesaian masalah, individu perlulah berinteraksi dengan ahli-ahli yang terdapat dalam budaya kehidupannya, sama ada dewasa atau rakan sebaya yang berkebolehan. Interaksi yang sebegini rupa boleh membantu individu khasnya kanak-kanak untuk mendapatkan panduan, maklumat lebih lanjut mahupun membina keyakinan diri. Semua kemahiran ini diperolehi melalui bahasa.

Vygotsky (1986) juga berpendapat bahawa pemilihan bukan untuk linguistik (*nonlinguistic preference*) dan penaakulan turut mempengaruhi perkembangan bahasa pada peringkat kemudian. Sebagai contoh, kanak-kanak boleh meneka maksud perkataan apabila bersua dengan perkataan baharu. Unsur tekaan yang berbentuk bukan linguistik digunakan apabila usianya meningkat. Unsur-unsur tekaan ini termasuk dalam ruang lingkup sistem penaakulan memberikan kepastian tentang sesuatu perkara selain bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tidak dapat dinafikan bahawa pandangan Vygotsky (1986) tentang perkembangan bahasa amat dihargai oleh ahli psikologi dan ahli linguistik bahasa. Namun begitu, seperkara yang tidak dapat dinafikan oleh Vygotsky (1986) ialah wujudnya keadaan kanak-kanak tidak berjaya menyelesaikan sendiri masalah yang dihadapi. Masalah ini timbul pada mana-mana peringkat umur kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak memerlukan orang dewasa atau orang lain untuk membantu menyelesaikan masalah tersebut.

Sebagai kesimpulan, ahli-ahli psikologi perkembangan kognitif bersetuju bahawa kognitif memainkan peranan penting dalam perkembangan bahasa. Perkembangan kognitif adalah selaras dengan perkembangan fizikal kanak-kanak. Begitu juga, perkembangan intelek turut bergantung kepada kematangan kanak-kanak daripada segi fizikal dan pengalaman. Jika perkembangan fizikal kanak-kanak terencat atau terganggu, maka perkembangan intelek turut terencat atau terganggu walaupun banyak didedahkan kepada pengalaman.

Sekiranya pengalaman dihadkan, maka perkembangan bahasa turut terencat atau terganggu. Faktor lain yang turut memberi kesan terhadap penguasaan bahasa ialah interaksi kanak-kanak dengan persekitaran, sama ada dalam atau di luar lingkungan keluarga. Namum begitu, Piaget (1964) dan Vygotsky (1986) bersependapat bahawa sebab atau punca berlaku sesuatu perubahan itu, datang dari dalam dan luar diri kanak-kanak. Cuma bila dan bagaimana perubahan dalam perkembangan tersebut diperoleh atau dikuasai, yang membezakan penguasaan bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun, kanak-kanak peringkat usia sebegini masih belum berupaya menghuraikan andaian dan menyelesaikan masalah-masalah mujarad yang melibatkan koordinasi banyak faktor secara serentak. Seperkara yang perlu diingat ialah kanak-kanak yang melalui proses perkembangan ini merupakan peserta yang aktif.

Perbincangan di atas memperlihatkan pandangan Piaget (1964) dan Vygotsky (1986) tentang perkaitan perkembangan kognitif dan bahasa. Walau bagaimanapun kajian ini berasaskan pandangan yang dikemukakan oleh Piaget yang mengaitkan perkembangan bahasa dengan kemampuan kognitif.

2.3 Isu Berkaitan Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Kajian Berkaitan Di Dalam Negara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Nik Safiah Karim et.al. (1996), Kanak-kanak sewaktu berumur tujuh tahun mula sedar bahawa perkataan –perkataan yang digunakan seharian boleh diklasifikasikan ke dalam empat kelas kata utama, iaitu Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif dan Kata Tugas.

Adil (1988) menyarankan agar unsur-unsur kata seperti kata dasar, awalan dan akhiran boleh digabungkan dalam pelbagai bentuk untuk membina sejumlah kata yang lebih banyak dan besar. Saranan Adil memberi implikasi bahawa penguasaan aspek morfologi amat penting sebagai asas untuk menguasai bahasa.

Kepelbagaian bahasa dan perbezaan penguasaan bahasa mewujudkan persoalan, bagaimanakah seseorang kanak-kanak boleh menguasai bahasa? Ahli-ahli

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

psikologi dan linguistik berpendapat, pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak berlaku sedikit demi sedikit dan berperingkat-peringkat menurut perkembangan otak, iaitu sebagai hasil perkembangan fizikal anak itu sendiri. (Kamarudin, 1990).

Menurut Mangantar Simanjuntak (1987 : 158), pemerolehan bahasa ialah satu proses yang berlaku di dalam otak seseorang kanak-kanak yang melibatkan dua aspek, iaitu perlakuan (performance) dan kecekapan (competence). Kedua-dua aspek ini juga banyak dibantu oleh faktor perwarisan, sosioekonomi dan rangsangan alam sekeliling yang diterima oleh kanak-kanak.

Keintelektualan perbendaharaan kata boleh dicapai melalui dua cara, iaitu melalui pengembangan perbendaharaan kata dan penukaran corak perbendaharaan kata. Ini boleh dicapai dengan cara menambahkan istilah-istilah baharu yang bersifat khusus dan memberikan pengertian-pengertian khusus kepada perkataan-perkataan tertentu. (Abdul Hamid Mahmood, 2001: 179)

Kajian tentang penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu banyak dilakukan di negara ini. Satu kajian khas tentang aspek perbendaharaan kata dilakukan oleh Atan Long (1971) yang bertajuk "Satu Penyiasatan Perbendaharaan Kata Asas Kanak-Kanak Melayu Dalam Darjah Satu". Beliau menyediakan senarai perbendaharaan kata yang disusun mengikut kekerapan penggunaan dalam bahasa Melayu. 246 patah perkataan disenaraikan sebagai perkataan paling kerap digunakan mengikut kajian beliau.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan kanak-kanak yang pasif tidak banyak mendapat jumlah perbendaharaan kata yang sebenar bagi satu peringkat umur kanak-kanak. Kajian beliau juga dilakukan untuk mengetahui jumlah perbendaharaan kata yang sebenar bagi satu peringkat umur kanak-kanak. Kajian ini melibatkan murid-murid yang berada dalam darjah Satu (Tahun Satu) di enam buah sekolah di negeri Selangor. Tiga daripada sekolah tersebut terletak di bandar manakala tiga lagi terletak di luar bandar.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 346 patah perkataan yang paling kerap digunakan oleh murid dalam lingkungan umur berkenaan. Perkataan-perkataan ini dapat digunakan sebagai perkataan teras bagi murid Melayu darjah satu di sekolah-sekolah kebangsaan. Perkatan-perkataan ini dapat digunakan untuk beberapa keperluan yang ada hubungan dengan proses pengajaran dan pembelajaran, iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(i) bagi penyediaan bahan-bahan bacaan berperingkat untuk kanak-kanak berkenaan.

(ii) bagi penguasaan kecekapan berbahasa untuk bahan bantu mengajar, asas perkembangan untuk perbendaharaan kata kanak-kanak melalui pembentukan perkataan terbitan

Nathesan (2000), membuat satu kajian mengenai pemerolehan perbendaharaan kata dalam kalangan murid Tahun Empat. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa murid-murid di sekolah kebangsaan memiliki perbendaharaan kata yang cukup untuk menulis karangan dengan baik dan berkesan, iaitu dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengungkapkan idea dengan berkesan. Mereka berhasil menggunakan sekian banyak perkataan yang tersenarai dalam cadangan perbendaharaan kata dalam *Buku Panduan Khas bahasa Melayu (BPKBM).*

Meskinah Taib (1998) membuat satu kajian perbandingan penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan murid langkau Tahun Enam dan murid biasa. Kajian ini dibahagikan kepada tiga bidang, iaitu jumlah penguasaan kata, penguasaan kata menurut kelas kata dan penggunaan masa. Dapatan kajian menunjukkan murid kumpulan langkau mempunyai saiz perbendaharaan kata yang besar berbanding dengan murid biasa. Murid langkau mengambil masa 44 minit untuk menguasai 99 patah perkataan manakala murid biasa mengmbil masa 46 minit untuk mengusai 65 patah perkataan. Keadaan ini menunjukkan kumpulan murid langkau mengatasi murid daripada kumpulan biasa daripada segi jumlah dan penggunaan masa untuk menguasai perkataan yang diuji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Azizan (1986) melakukan kajian dalam kalangan 200 orang murid Tahun Dua yang tinggal di bandar dan di luar bandar untuk melihat kemampuan murid menguasai perbendaharaan kata asas yang diambil daripada daftar hitung kata yang disediakan oleh Abdul Samat Saberan. Murid-murid yang dikaji mempunyai tahap penguasaan bahasa yang baik, sederhana dan lemah.

Dapatan kajiannya menunjukkan pada tahap penguasaan baik, sejumlah 89% Kata Nama, 84.5% Kata Kerja dan 79.5% Kata Adjektif dapat dikuasai. Pada tahap penguasaan sederhana, kelas kata yang dikuasai ialah 9% Kata Nama, 10% Kata Kerja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan 11% Kata Adjekif. Pada tahap penguasaan lemah ialah 2.0% Kata Nama, 5.5.% Kata Kerja dan 9.5% Kata Adjektif.

Dapatan kajian beliau juga menunjukkan kelas Kata Nama dan Kata Kerja merupakan klas kata yang banyak diketahui oleh kanak-kanak, diikuti dengan Kata Adjektif. Pengalaman yang luas menggunakan kedua-dua kelas kata ini menjadi faktor penentu akan jumlah perkataan yang diketahui oleh murid. Kurangnya pengetahuan murid tentang Kata Adjektif ialah kelas kata ini bersifat abstrak dan relatif.

Abdul Samat Saberan (1982) membuat penyiasatan perbendaharaan kata buku-buku teks darjah satu, dua dan tiga. Beliau mengkaji 18 buah kelas berkenaan. Hasilnya beliau menyenaraikan 4,295 perkataan yang kerap digunakan setiap satunya 90 kali atau lebih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ahmad Asmaran (2000) mengkaji sama ada pengajaran perbendaharaan kata dapat membantu murid-murid Tingkatan 4 memahami apa yang dibaca daripada teks. Tiga episod pengajaran perbendaharaan kata dikenal pasti, iaitu pengajaran pemahaman prosa moden, pemahaman puisi dan pemahaman prosa klasik. 25 patah perkataan atau rangkaikata yang terdapat dalam petikan adalah perkataan baharu manakala 25 patah perkataan lagi ialah perkataan yang pernah ditemui.

Enam puluh lapan peratus daripada perkataan itu adalah perkataan abstrak dan selainnya adalah perkataan konkrit. Dapatan menunjukkan murid lebih mudah memberi makna perkataan yang konkrit berbanding dengan perkataan abstrak. Salah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu contoh pemerhatian yang dilakukan terhadap sebuah bilik darjah, pengkaji mendapati 80% murid boleh memberi makna perkataa-perkataan yang konkrit.

Marohaini Yusoff (1989) mengkaji tentang penggunaan skema dalam pengajaran perbendaharaan kata. Misalnya, apabila murid menyebut skema kerusi, tergambar di fikiran mereka kerusi mempunyai empat kaki untuk berdiri, penyandar dan fungsinya sebagai tempat duduk. Dalam bidang pengajaran perbendaharaan kata, beliau juga menunjukkan bahawa penggunaan strategi yang membina dan mengembangkan skema dapat melahirkan pembelajaran dan penambahan sesuatu perkataan dengan lebih berkesan.

2.4 Isu Berkaitan Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Kajian Berkaitan Di Luar Negara

Menurut Tayor (1990), perbendaharaan kata yang banyak diperolehi oleh setiap murid merupakan harta penting bagi mereka untuk menguasai kemahiran berbahasa, menambah pengetahuan, meluaskan pandangan dan mengembangkan daya fikir. Perbendaharaan kata merupakan aspek utama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kagan & Haveman (1980) mengatakan penguasaan perbendaharaan kata sesuatu bahasa menggambarkan kecerdasan seseorang murid. Keadaan ini disebabkan perbendaharaan kata menjadi asas kepada perkembangan individu untuk menguasai bidang yang lebih luas.

Menurut Broom (1951:78), kanak-kanak sudah mengetahui keperluan menggunakan bahasa sejak awal-awal lagi. Mereka tidak dapat memberitahu apa yang mereka perlukan sehinggalah mereka tahu beberapa kemahiran bahasa lisan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mereka juga terpaksa menggunakan bahasa untuk melahirkan sesuatu idea atau mentafsirkannya. Jika mereka mahu menjadi pengguna bahasa yang berjaya, mereka perlulah mengetahui makna dan dapat pula menggunakannya dengan betul dalam percakapann. Apabila memasuki sekolah, mereka mula mentedari bahawa mereka seharusnya mempunyai kebolehan mendapatkan makna daripada tulisan dan simbol bercetak.

Hafner dan Jolly (1972: 119) pula, menegaskan perbendaharaan kata adalah satu poroses yang berlaku seumur hidup. Jika kita banyak membaca, banyak mendengar, banyak mencari pengalaman baharu, berminat dengan idea-idea dan apa yang berlaku di dalam dunia ini, maka kita boleh mempunyai perbendaharaan kata yang kaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Durkin (1989:81), sebelum kanak-kanak memasuki alam persekolahan, mereka sudah pun menguasai sejumlah perbendaharaan kata pendengaran dan pertuturan. Mereka menurut perintah dan berinteraksi dengan ibu bapa, keluarga dan rakan sebaya. Pada peringkat ini perbendaharaan kata mereka lebih merupakan perbendaharaan kata pasif tetapi beransur-ansur menjadi aktif apabila mereka bertutur dan menggunakannya.

Edgar dan Joseph (1991) mengatakan bahawa kanak-kanak yang mempunyai pemikiran yang baik bererti ia mempunyai perbendaharaan kata yang baik dan begitulah sebaliknya. Pendapat Edgar & Joseph (1991) tersebut menyokong pendapat Kagan & Havemann (1980) yang mengatakan bahawa perluasan perbendaharaan kata sesuatu bahasa menggambarkan kecerdasan seseorang murid. Kecerdasan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disebabkan perbendaharaan kata menjadi asas kepada perkembangan individu untuk menguasai bidang yang lebih luas lagi. Individu yang mempunyai perbendaharaan kata yang luas, berkemampuan membincangkan aspek-aspek dalam sesuatu perkara dengan menggunakan istilah yang tepat dan jitu.

Gambrell, Wilson dan Gantt (1981) menegaskan betapa perlunya teknik perbendaharaan kata yang betul terhadap kanak-kanak yang lemah dalam bacaan. Dalam kajiannya terhadap murid-murid Gred 4, mereka mendapati murid yang tinggi kebolehan membaca mempunyai kadar satu perkataan yang tidak diketahui daripada 100 patah perkataan. Sementara itu, murid yang rendah kebolehan membacanya, mereka tidak mengetahui sepatah perkataan bagi setiap sepuluh patah perkataan yang dibaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Quigley (1974:28) tentang perbendaharaan kata penutur jati bahasa Inggeris diminati oleh pengkaji lain hingga ke hari ini. Kajian ini dijalankan di kalangan kanak-kanak empat tahun daripada empat latar belakang tahap sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak dariada kumpulan sosial yang tinggi mendapat jumlah jawapan yang inggi. Perkataan kelas Kata Nama mendahului senarai perkataan yang dikuasai oleh kanak-kanak ini, diikuti dengan Kata Kerja dan Kata Adjektif.

Beck, Perfetti, dan McKeown (1982:506) membuat satu rancangan untuk mengajar 100 patah perkataan kepada murid-murid Gred 4. Pengajaran itu bertujuan untuk mengembangkan pengetahuan yang diketahui untuk menggalakkan kefahaman. Keputusan daripada kajian mereka mencadangkan bahawa kaedah pengajaran itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berjaya. Pembelajaran perkataan yang baik boleh mempengaruhi pemahaman sesuatu teks, memperbaiki kebolehan dan pengetahuan murid secara umum.

Beck, McKeown, McCaslin dan Burkes (1979) mengemukakan satu kajian mengenai perancangan untuk mengembangkan perbendaharaan kata. Mereka mendapati sama ada kekerapan atau strategi pengajaran bukan sebagai penentu kepada kejayaan sesuatu pembelajaran perkataan.

Apa yang jelas ialah bukan semua cara yang digunakan untuk mengajar perbendaharaan kata itu berkesan. Oleh yang demikian, Eileen Carr dan Caren Wixson (1986: 588) memberikan panduan yang berasaskan kajian semasa dengan tujuan untuk menolong guru menilai pengajaran perbendaharaan kata. Matlamatnya ialah untuk menolong guru-guru mengenal pasti prosedur pengajaran bagi memperluas pengetahuan perkataan, dan menyediakan strategi untuk pembelajaran perbendaharaan kata secara sendirian.

Cadangan yang dikemukakan oleh Eileen dan Karen, iaitu panduan asas mengapa guru perlu mengajar perbendaharaan kata adalah seperti berikut:

(i) Pengajaran sepatutnya menolong murid menghubungkan perbendaharaan kata baharu dengan pengetahuan latar belakang mereka.

(ii) Pengajaran perbendaharaan kata sepatutnya dapat menolong murid mengembangkan dan memperluas pengetahuan perkataan.

(iii) Pengajaran sepatutnya boleh menggerakkan murid supaya dapat melibatkan diri dalam pembelajaran perbendaharaan kata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iv) Pengajaran sepatutnya boleh mengembangkan strategi pembelajaran murid bagi mengusai perbendaharaan kata baharu secra bersendirian.

2.5 Isu Berkaitan Pengaruh Sosioekonomi Keluarga Terhadap Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Kajian Berkaitan Di Dalam Negara

Dalam menguasai bahasa, tidak semua kanak-kanak mampu menguasainya mengikut kadar yang sama baik daripada segi jangka masa mahupun prestasi kemahirannya. Perbezaan ini amat ketara kerana ketidakseimbangan faktor-faktor yang melingkungi diri kanak-kanak itu. Faktor-faktor ini menimbulkan satu jurang yang besar terutama dalam pencapaian serta kemampuan berbahasa kanak-kanak, khususnya bahasa Melayu.

Penguasaan bahasa dan pencapaian akademik kanak-kanak secara keseluruhannya saling berkaitan dengan sosioekonomi keluarga. Koh Boh Boon (1981 : 39) mengatakan status ibu bapa, taraf pendidikan yang diperolehi serta sikap mereka terhadap persekolahan anak-anak sebenarnya dapat mempengaruhi taraf pencapaian anak-anak mereka di sekolah. Beliau seterusnya berpendapat bahawa ibu bapa merupakan satu faktor yang penting di luar sekolah yang mesti diberi pertimbangan dalam sebarang perancangan pendidikan.

Menurut Asmah Hj. Omar (1981 : 53), amat penting bagi ibu bapa menggunakan bahasa yang betul daripada segi nahu dalam mendidik anak-anak mereka. Satu cara yang paling berkesan boleh dilakukan oleh ibu bapa ialah mereka perlu banyak meluangkan masa untuk membaca pelbagai jenis buku agar tahap pengetahuan dan perbendaharaan kata mereka semakin meningkat. Penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa yang betul dan tepat juga perlu diambil kira kerana anak-anak bertindak sebagai pemerhati dan seterusnya mengulangi apa yang dilakukan oleh ibu bapa mereka.

Proses penguasaan bahasa begitu penting bagi kanak-kanak yang berumur antara satu hingga lima belas tahun. Dalam konteks ini, ibu bukan sahaja memainkan peranan yang penting dalam perkembangan dan pembesaran anak, tetapi juga meliputi perkembangan pemikiran dan penguasaan perbendaharaan kata dan seterusnya bahasanya.

Nik Safiah Karim (1981 : 133) berpendapat, anak-anak perlu dilatih menggunakan bahasa Melayu yang sempurna sejak usia mereka masih muda, dan proses ini hendaklah dimulakan dari rumah, iaitu ketika anak-anak sedang membesar. Beliau juga mendapati bahawa:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Ibu-ibu boleh memainkan peranan penting daripada segi memupuk kebiasaan menggunakan bahasa yang baik ini dengan cara menyediakan suasana yang sesuai dan dengan cara memberikan galakan. Proses penguasaan dan penggunaan bahasa yang baik dapat diteruskan dengan lebih berkesan melalui tabiat membaca. Kanak-kanak yang suka membaca berpeluang meluaskan fikiran dan memperbaiki penguasaan bahasa... Hendaklah ditekankan bahawa ibu mempunyai peranan yang sangat besar daripada segi menolong kanak-kanak menguasai bahasa yang baik.
>
> (1981 : 133 – 134)

Mengikut Mahmood Nazar Mohamed (1992:184). proses pembelajaran ini perlu mendapat sokongan serta dorongan ibu bapa dan masyarakat sekeliling, kerana inilah satu daripada pelbagai cara proses pembelajaran dapat dipercepatkan lagi. Proses penguasaan dan penggunaan perbendaharaan kata yang baik dapat diteruskan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih berkesan oleh kanak-kanak melalui tabiat suka membaca. Kanak-kanak yang suka membaca berpeluang meluaskan fikiran, memperbaiki penguasaan tatabahasa dan menambah saiz perbendaharaan kata. Koh Boh Boon (1989 : 493) menegaskan selain aspek ejaan dan tatabahasa, saiz perbendaharaan kata juga termasuk dalam taraf penguasaan bahasa.

Atan Long (1982 : 292) menyatakan bahawa terdapat pertalian antara kebolehan berbahasa dengan keadaan dalam keluarga. Perhatian serta kasih sayang yang lebih daripada orang dewasa wujud dalam kalangan kanak-kanak kelas atasan dan menengah. Komunikasi antara kanak-kanak dengan orang dewasa lebih kerap berlaku sama ada ketika makan, berehat dan sebagainya. Keadaan seperti ini tidak wujud dalam keluarga kelas rendah. Terdapat pengasingan antara kanak-kanak dengan orang dewasa ketika makan, kurang perbualan dan perasaan kasih sayang tidak diperlihatkan oleh orang dewasa kepada kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wujudnya jurang yang besar antara kanak-kanak dengan orang dewasa dalam keluarga kelas rendah dan menyebabkan kanak-kanak tidak berpeluang menggunakan perbendaharaan kata yang baharu dan sesuai. Keadaan yang sama berlaku pada setiap hari menyebabkan timbul kebosanan di hati mereka dan akhirnya situasi ini ditinggalkan begitu saja.

Beliau juga berpendapat, semakin banyak kanak-kanak berhubung dengan orang dewasa, semakin baik perkembangan bahasanya. Dalam hal ini, kedudukan sosioekonomi keluarga itu mendatangkan kesan kerana kanak-kanak dalam kelas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atasan dan menengah lebih banyak berhubung dengan orang dewasa berbanding dengan kanak-kanak dalam kelas rendah.

Di samping itu, saiz keluarga juga turut mempengaruhi perkembangan penguasaan bahasa. Menurutnya, kanak-kanak yang bergaul dengan kanak-kanak yang lebih tua umurnya mempunyai perkembangan bahasa dan perbendaharaan kata yang banyak daripada hitung panjang perkembangan, sedangkan kanak-kanak yang bergaul dengan kanak-kanak yang lebih rendah umur daripadanya mempunyai perkembangan di bawah daripada hitung panjang perkembangan Atan Long (1982 : 293)

Asiah Abu Samah (1977:97) dalam satu kajiannya mendapati terdapat pertalian yang signifikan antara prestasi bahasa Melayu murid-murid yang dikajinya dengan sosioekonomi keluarga mereka. Rumusan daripada kajian beliau menunjukkan bahawa :

i. Perkembangan bahasa kanak-kanak dipengaruhi oleh perhatian berat yang diberikan oleh keluarga.

ii. Potensi kanak-kanak untuk memperkembangkan penguasaan bahasanya dan mengurangkan kesilapan bahasa sangat bergantung kepada layanan yang diberikan oleh keluarga.

iii. Perbezaan daripada segi sosioekonomi boleh menyebabkan berlakunya perbezaan daripada segi perkembangan penguasaan bahasa khususnya perbendaharaan kata kanak-kanak serta memungkinkan perbezaan kesilapan bahasa yang dilakukan oleh kanak-kanak itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Amir Adli (1988 : 81 – 98) pula meninjau kesalahan-kesalahan penggunaan bahasa Melayu yang sering dilakukan oleh murid-murid Tingkatan Lima dalam penulisan karangan. Seramai 140 orang yang terdiri daripada pelbagai ras, jantina dan latar belakang sosioekonomi dipilih secara rawak sebagai subjek kajian. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Melayu murid berhubung rapat dengan latar belakang dan sikap murid sendiri. Hasil kajian beliau mendapati

i. Sikap murid yang kurang gemar membaca bahan bacaan bahasa Melayu yang bermutu menyebabkan mereka kerap melakukan kesalahan bahasa kerana penguasaan perbendaharaan katanya amat terhad.

ii. Terdapat subjek kajian yang menganggap bahasa Melayu itu mudah dan tidak perlu dipelajari .

iii. Murid bukan Melayu kurang menggunakan bahasa Melayu standard ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan.

iv. Hanya 47.5% bapa murid dan 37.5% ibu murid yang gemar membaca bahan bacaan dalam bahasa Melayu.

v. Kebanyakan ibu bapa tidak gemar membelikan bahan bacaan untuk kegunaan murid.

Rumusan kajian beliau jelas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara murid dan latar belakang keluarga dengan penguasaan bahasa Melayu bermula sejak dari sekolah rendah lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd Yasin Abdul Majid (1985 : 615) pula menekankan pengaruh faktor sosial terhadap penguasaan bahasa. Didapati bahawa semakin tinggi kelas sosioekonomi kanak-kanak itu, semakin banyak perbendaharaan kata yang mereka kuasai. Pada kebiasaanya, pertuturan kanak-kanak daripada golongan kelas sosial yang tinggi lebih baik jika dibandingkan dengan kanak-kanak yang termasuk dalam golongan sosioekonomi yang rendah.

Beliau juga menegaskan bahawa penguasaan bahasa bagi anak tunggal lebih baik berbanding dengan kanak-kanak yang mempunyai ramai adik beradik. Kajian ini mengukuhkan lagi kenyataan Atan Long yang juga menekankan penguasaan bahasa yang baik dalam kalangan kanak-kanak yang mempunyai saiz keluarga yang lebih kecil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses penguasaan bahasa kanak-kanak juga dipengaruhi oleh kawasan tempat tinggal. Walaupun faktor ini berkaitan dengan kelas masyarakat, namun penekanan secara khusus diberikan terhadap kawasan geografi sama ada kawasan bandar, luar bandar, kampung dan pedalaman. Menurut Samsu Yaacob dan Marzukhi Nyak Abdullah (1988 : 25),

> "Kanak-kanak yang tinggal di kawasan bandar misalnya, mengetahui lebih banyak kata nama yang berkaitan dengan alat-alat eletrik, jenis-jenis kenderaan, pakaian dan berbagai-bagai jenis peralatan rumah tangga yang moden. Kanak-kanak di kawasan lain pula perkembangan leksikalnya bergantung kepada lokasi tempat tinggalnya, seperti kanak-kanak yang tinggal di kampung lebih pengetahuannya terhadap jenis-jenis binatang, nama-nama pokok, jenis-jenis serangga, jenis-jenis peralatan yang digunakan oleh ibu bapanya untuk bekerja seperti tajak, tenggala, cangkul, sabit dan sebagainya".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Murad Mohd Nor (1973). Hasil kajiannya menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara penguasaan murid yang tinggal di bandar dengan murid yang tinggal di luar bandar. Penguasaan bahasa murid di bandar lebih baik kerana faktor sosioekonomi keluarga yang secara purata lebih tinggi berbanding dengan murid di luar bandar yang taraf sosioekonominya rendah. Murid di bandar mengenali banyak perbendaharaan kata berbanding dengan murid di luar bandar kerana penguasaannya berpunca daripada pendedahan yang lebih awal dan menyeluruh diterima oleh mereka. Situasi ini dibuktikan oleh kajian Samsu Yaacob dan Marzukhi Nyak Abdullah.

Menurut Samsu Yaacob & Marzukhi Nyak Abdullah (1988 : 26), penguasaan bahasa kanak-kanak juga semakin baik sekiranya banyak menerima rangsangan dan pendedahan melalui pergaulan mereka. Sekiranya kanak-kanak kurang mendapat pendedahan, sukarlah bagi seseorang kanak-kanak itu untuk menguasai bahasa. Oleh itu kehadiran faktor-faktor persekitaran dalam kehidupan kanak-kanak adalah penting bagi membantu proses penguasaan perbendaharaan kata dan bahasa yang baik.

Menurut Abdullah Hassan (1983 : 261), kalau tidak ada pendedahan maka penguasaan bahasa juga tidak boleh berlaku kerana alat atau jentera penguasaan bahasa tidak mendapat sebarang bahan untuk diproses. Asmah Hj Omar (1981 : 273) mengatakan bahasa tidak boleh tercapai oleh seseorang kanak-kanak jika dia tidak pernah mendengar orang lain bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, peranan rakan sebaya dan media massa juga dapat membantu proses penguasaan bahasa. Menurut Samsu dan Marzukhi Nyak Abdullah (1988: 25) lagi, komunikasi yang berlaku sewaktu bermain itulah yang menyebabkan berlakunya proses pengambilan perkataan sesama rakan sebaya. Media massa yang banyak mempengaruhi penguasaan perbendaharaan kata kanak-kanak ialah televisyen. Bahasa yang baik, ringkas dan bersesuaian dengan rancangan yang disiarkan begitu mempengaruhi kebolehan berbahasa kanak-kanak.

Chee (1986) dipetik oleh Azman Wan Chik (1982 : 180) mengkaji penguasaan bahasa murid, membuat kesimpulan bahawa kefahaman murid terhadap '*word inflections*" dan fungsi perkataan adalah terbatas. Menurut beliau, kesilapan itu terjadi disebabkan gangguan bahasa ibunda. Kesilapan ini meliputi aspek perbendaharaan kata, struktur ayat dan fonologi. Bagi menjalankan kajiannya ini, Chee mengambil 33 orang murid Tahun enam dalam aliran Inggeris sebagai subjek kajian. Kira-kira 59.5% kesilapan bahasa yang dilakukan oleh subjek kajian berpunca daripada pengaruh bahasa pertama dan pengunaan kata kerja.

Atan Long (1971 : 23) juga cuba mengaitkan penguasaan perbendaharaan kata dengan faktor jantina. Kajian ini dijalankan oleh beliau terhadap 60 orang murid-murid dari darjah satu dari kawasan bandar dan luar bandar. Dalam kajiannya Atan Long mendapati bahawa murid perempuan menguasai lebih banyak perbendaharaan kata daripada murid lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Isu Berkaitan Pengaruh Sosioekonomi Keluarga Terhadap Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Kajian Berkaitan Di Luar Negara

Hawkins (1973 : 92) memperlihatkan perkaitan antara penguasaan bahasa dengan hubungan latar belakang sosial kanak-kanak. Subjek kajiannya terdiri daripada kanak-kanak kelas menengah dan pekerja. Setiap subjek kajian diminta bercerita dengan menggunakan empat keping gambar bersiri dan tiga keping gambar daripada poskad.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, beliau mendapati bahawa kakak-kanak kelas menengah lebih berkebolehan untuk menerangkan gambar-gambar tersebut dengan jelas berbanding dengan kanak-kanak kelas pekerja. Pengkaji tidak dapat memahami dengan jelas penerangan yang disampaikan oleh kanak-kanak kelas pekerja sehingga terpaksa melihat gambar tersebut untuk memahami cerita yang disampaikan. Dapatan kajian beliau membuktikan daya imaginasi dan penguasaaan bahasa kanak-kanak kelas menengah lebih baik berbanding dengan kanak-kanak kelas pekerja. Menurutnya,

> "Kanak-kanak kelas menengah menggunakan lebih banyak kata nama.....kanak-kanak kelas pekerja lebih banyak menggunakan gantinama..."
>
> Hawkins (1973:92)

Menurut Harris (1956:36), kanak-kanak daripada keluarga yang mempunyai latar belakang sosioekonomi dan pelajaran yang tinggi mempunyai peluang perkembangan bahasa yang lebih baik. Mereka mempunyai peluang yang lebih besar untuk perkembangan bahasa kerana mereka dibesarkan dalam persekitaran yang lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberangsangkan. Mereka dikelilingi oleh orang dewasa yang bertutur dengan menggunakan bahasa yang baik serta kaya dengan perbendaharaan kata.

Menurut Bullock (1975: 54) , kanak-kanak yang datang dari kawasan yang serba kekurangan menghadapai masalah untuk menerangkan, menggambarkan, menyoal, membuat agakan, menganalisis dan membandingkan sesuatu kerana bentuk bahasa seumpama itu tidak pernah digunakan di rumah. Keadaan ini menyebabkan mereka menghadapi pengetahuan dan pengalaman yang terbatas dan memberi kesan kepada penguasaan perbendaharaan kata mereka.

Mengikut kajian yang dilakukan oleh Dennis (1960 : 47-59), perkembangan penguasaan bahasa boleh terjejas jika kanak-kanak dibesarkan di rumah anak-anak yatim pada peringkat permulaan hidupnya. Terdapat perbezaan daripada segi rangsangan antara kanak-kanak yang dipelihara oleh keluarga sendiri dengan kanak-kanak yang tinggal yang di rumah anak yatim.

Biasanya kanak-kanak yang tinggal di rumah anak-anak yatim mendapat layanan secara beramai-ramai di bawah jagaan seorang penjaga. Oleh kerana kekurangan rangsangan dan perhatian berat penjaga, kanak-kanak yang tinggal di rumah anak anak yatim ini mempunyai perbendaharaan kata yang terhad, kemahiran berbahasa yang sedikit serta memiliki keupayaan bertutur yang agak lambat jika dibandingkan dengan kanak-kanak biasa yang seusia dengan mereka.

Terdapat juga hasil penyelidikan yang menunjukkan bahawa kanak-kanak kelas menengah berkeupayaan untuk mengemukakan soalan-soalan secara tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

langsung (*indirect questions*) berbanding dengan kanak kelas bawahan seperti yang diperkatakan oleh Turner & Pickrance (1973 : 125). Dapatan kajian ini diperoleh oleh Turner dan Pickrance sewaktu mengkaji 439 orang kanak-kanak yang berusia 5 tahun dan berbeza pada latar belakang sosioekonominya. Kebolehan mereka mengemukakan soalan secara tidak langsung adalah hasil dari penguasaan perbendaharaan kata yang baik.

Perbezaan pencapaian juga boleh dilihat dalam kalangan jantina yang berbeza seperti kajian yang dilakukan oleh Robinson dan Susan. Robinson dan Susan (1978 : 265 – 280) juga menjalankan satu kajian yang berkaitan dengan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak kelas menengah dan kelas pekerja. Dua tugasan diberikan kepada subjek kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Mereka mendapati, kanak-kanak perempuan kurang mengemukakan soalan-soalan yang dianggap tidak sesuai berbanding dengan kanak-kanak lelaki kelas pekerja. Di samping itu, kanak-kanak perempuan kelas menengah juga didapati lebih cekap jika dibandingkan dengan kanak-kanak lelaki kelas pekerja. Oleh itu, kanak-kanak perempuan pada ketika ketika tertentu mempunyai penguasaan perbendaraan kata yang baik dan ini membolehkan mereka mengemukakan soalan yang bernas.

Nisbet (1961 : 197) pula mendapati wujudnya perkaitan antara saiz keluarga dengan penguasaan perbendaharaan kata. Menurutnya, penguasaan perbendaharaan kata kanak-kanak boleh terjejas jika mempunyai saiz keluarga yang ramai. Kenyataan ini dibuktikan melalui penyelidikan terhadap kesan saiz keluarga terhadap kecerdasan 5,000 orang kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kecerdasan dan perkembangan pertuturan semakin menurun apabila semakin besar saiz keluarga. Perkembangan mental juga boleh terjejas jika penguasaan lisan semakin menurun. Keadaan ini disebabkan adanya pertalian yang erat antara perkembangan mental dengan hubungan secara lisan antara kanak-kanak dengan orang dewasa. Penguasaan lisan semakin menurun disebabkan oleh penguasaan perbendaharaan kata yang tidak sempurna.

Kajian yang dibuat oleh Templin terhadap 480 orang murid pula menunjukkan perkaitan yang rapat antara peringkat sosioekonomi keluarga dengan penguasaan bahasa murid , dipetik oleh Lawton (1968 : 27 – 28). Setiap sampel kajian dinilai daripada segi pertuturan, struktur ayat dan perbendaharaan kata. Sebagai rumusan, beliau mengatakan bahawa murid yang berasal daripada golongan atasan memperolehi skor yang tinggi berbanding dengan murid yang berasal daripada golongan bawahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian yang dilakukan oleh Olive Banks (1976 : 7) faktor persekitaran keluarga yang boleh menjejaskan pencapaian pelajaran kanak-kanak kelas rendah ialah soal kemiskinan. Kemiskinan yang dimaksudkan ialah kemiskinan yang wujud daripada berbagai-bagai aspek seperti pendapatan keluarga yang kecil, pengganggguran ahli-ahli keluarganya, saiz keluarga yang besar atau kematian orang yang bertugas mencari nafkah keluarga, keadaan keluarga yang kucar kacir dan makanan keluarga yang tidak bermutu. Hal ini menjejaskan penguasaan perbendaharaan kata dan kebolehan pembelajaran kanak-kanak berkenaan.

Kajian diteruskan pula oleh Musgrove (1979 : 72) dengan menghubungkan saiz keluarga dengan faktor kecerdasan. Melalui hasil ujian kecerdasan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilakukannya, beliau mendapati bahawa kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan yang tinggi secara umumnya datang daripada keluarga yang kecil ahlinya. Keadaan ini dapat diandaikan bahawa dengan kecerdasan yang tinggi itu boleh menuju ke tahap pencapaian yang tinggi dalam bidang akademik. Hubungan yang rapat dengan ahli keluarga membolehkan penguasaan perbendaharaan kata anak-anak mereka lebih terarah dan sempurna.

Dalam kajian lain pula Musgrove (1979 : 90) juga mengatakan bahawa hubungan antara peluang pendidikan dan pencapaian dalam kelas sosial banyak diperkatakan orang. Apabila kanak-kanak daripada kelas sederhana menggunakan peluang pendidikan, mereka mendapat tempat di 'grammar school' dan lebih lama mereka belajar di sekolah tersebut serta mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan jika dibandingkan dengan kanak-kanak daripada keluarga kelas rendah. Pencapaian yang tinggi dalam perbendaharaan kata, pembentukan ayat merupakan faktor yang menyumbang ke arah pencapaian pendidikan mereka.

Kajian yang dibuat oleh D.D Duncan dan rakan rakannya (1972 : 74) menunjukkan bahawa latar belakang sosioekonomi sesebuah keluarga dapat mempengaruhi pencapaian pendidikan kanak-kanak pada peringkat umur awalnya lagi. Bagaimanapun pengaruh tersebut kian berkurangan apabila umur kanak-kanak tersebut meningkat. Kajian Duncan juga banyak kesamaannya dengan kajian yang dilakukan oleh Musgrove, iaitu pencapaian pendidikan kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh penguasaan perbendaharaan kata yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut hasil laporan Plowden dalam kajian Bynner J.M (1972 : 82), mendapati bahawa terdapat sedikit perubahan daripada segi kedudukan sosioekonomi ibu bapa dan sifat-sifat fizikal di rumah. Walau bagaimanapun kanak-kanak yang berjaya mendapat tempat di sekolah-sekolah '*grammar*' dan persendirian datang daripada keluarga yang status sosio-ekonominya agak tinggi. Ibu bapa mereka juga mencapai taraf pendidikan yang lebih tinggi dan mempunyai jumlah perbendaharaan kata yang banyak. Penguasaan perbendaharaan kata ibu bapa juga banyak mempengaruhi perbendaharaann kata anak-anak kerana ibu bapa adalah model terbaik dalam hal tersebut.

Sementara itu, aspek kekayaaan kebendaan di rumah juga merupakan salah satu faktor penting dalam mempengaruhi pencapaian dan kejayaan murid. Kajian mengenai hal tersebut dilakukan oleh J.W.B Douglas (1964:170). Beliau mendapati bahawa kanak-kanak yang mempunyai status sosioekonomi yang rendah dan kadar pendapatan ibu bapa serta keadaan rumah yang tidak memuaskan kurang berjaya dalam pelajaran.

Kajian ini dilakukan di Middlesbrough, England dan kajiannya dilihat dari sudut status sosioekonomi, kadar pendapatan ibu bapa dan juga keadaan perumahan. Kanak-kanak yang berada dalam persekitaran seperti ini lebih banyak mementingkan kehidupan daripada menguasai perbendaharaan kata, penggunaan ayat yang betul dan pertuturan yang sesuai.

Satu lagi kajian dilakukan di Middlesbrough, England oleh J.E. Floud daripada sudut lain (1965 : 104). Beliau mengaitkan kemewahan kebendaan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimiliki oleh sesebuah keluarga. Kajian beliau tertumpu terhadap masyarakat yang berpendapatan rendah dan persekitaran rumah yang tidak memuaskan. Hasilnya beliau mendapati bahawa faktor tersebut merupakan faktor utama yang membezakan penguasaan bahasa seseorang murid itu. Faktor keperluan asas seperti pendapatan dan kualiti yang dimiliki oleh sesebuah keluarga itu amat penting jika dibandingkan dengan faktor sikap serta cara hidup sesebuah keluarga dalam konteks penguasaan perbendaharaan kata.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Denis Lawton (1968 : 25) menunjukkan terdapat satu perkaitan yang amat nyata antara status sosioekonomi dengan perkembangan linguistik kanak-kank. Kajian seperti ini dapat dikesan oleh Degrando (1947) yang mengatakan bahawa anak-anak orang kaya dapat memahami lebih banyak perkataan dan keadaan ini adalah sebaliknya bagi kanak-kanak dari kelas rendah. Kanak-kanak kelas atasan dapat menguasai semua jenis kata dan memahami penggunaannya baik dalam penulisan mahupun pertuturan.

Denis Lawton juga membuat kajian terhadap 300 orang kanak-kanak yang belajar di sekolah swasta dan kerajaan. Hasilnya menunjukkan bahawa hampir setiap item linguistik yang diuji, kanak-kanak daripada keluaga kelas atasan dapat menjawab soalan yang dikemukakan dengan baik sekali. Bagi kanak-kanak dari kelas rendah pula pada amnya terencat dalam pertumbuhannya, bahkan lebih terencat lagi dalam perkembangan linguistiknya. Menurut Denis Lawton (1968 : 191), kanak-kanak dari kelas keluarga yang baik dapat mengucapkan kata-kata yang ada makna dan sudah boleh menggunakan infleksi dan struktur ayat pada peringkat umur mereka yang masih rendah lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soal kesihatan berkait rapat dengan soal pemakanan. Persoalan mengenai pemakanan ini ada kaitan dengan keadaan keluarga. Hal ini dikaji oleh A. Morrison dan Mac Inctyre (1971: 37) dan mendapati bahawa keluarga yang besar iaitu yang mempunyai anak yang ramai, kebiasaannya agak terjejas proses pertumbuhan anak-anak mereka. Bagi keluarga yang besar iaitu yang mempunyai anak yang ramai, kebiasaannya agak terjejas proses pertumbuhan anak-anak mereka. Bagi keluarga kurang berada pula berkemungkinan tidak mampu untuk memberikan makanan yang secukupnya kepada anak-anaknya.

2.7 Kesimpulan

Bab ini mengemukakan beberapa hasil kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negara. Dapatan kajian lalu menunjukkan pemerolehan bahasa berlaku sedikit demi sedikit dan berperingkat-peringkat menurut perkembangan otak, iaitu hasil perkembangan fizikal anak itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tidak semua kanak-kanak mampu menguasai bahasa mengikut kadar yang sama daripada segi jangka masa mahupun prestasi kemahirannya. Terdapat faktor lain yang turut mempengaruhi penguasaan perbendaharaan kata murid.Berdasarkan rumusan kajian mereka, nyatalah bahawa faktor sosioekonomi keluarga menunjukkan perkaitan yang positif dalam penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu.

Hasil kajian mereka juga menunjukkan terdapat perbezaan antara penguasaan murid yang tinggal di bandar dengan murid yang tinggal di luar bandar. Ketidakseimbangan faktor-faktor ini menimbulkan satu jurang besar terutama dalam pencapaian dan kemampuan berbahasa kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, tinjauan terhadap kajian yang berkaitan dapat dijadikan sebagai panduan dan perbandingan bagi merangka penulisan ilmiah ini. Berdasarkan teori-teori di atas, pengkaji akan mengkaji faktor yang mempengaruhi perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan rekabentuk dan tatacara kajian termasuklah proses pengumpulan serta penganalisisan data. Perbincangan juga meninjau dan menerangkan beberapa aspek berhubung dengan kaedah pengumpulan data yang dipilih, pengendalian kajian dan menghuraikan kaedah penganalisisan data. Perbincangan dan penjelasan dalam Bab ini dibahagikan kepada rekabentuk kajian, tempat kajian, populasi dan pensampelan, pembentukan alat kajian, pengumpulan data dan penganalisisan data.

Kajian ini dilakukan untuk melihat penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah dengan memberi tumpuan kepada murid-murid tahap dua, iaitu Tahun enam. Selain itu, kajian ini juga bertujuan melihat perbezaan pencapaian penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu murid sekolah rendah di bandar dan di luar bandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji juga ingin melihat sejauh mana pengaruh sosioekonomi keluarga memainkan peranan dalam memberi kesan kepada proses penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu murid di sekolah rendah.

Murid-murid diberikan satu set ujian berupa karangan bertajuk "Pasar Malam". Murid-murid juga diberikan satu set soal selidik yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi proses penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu. Maklumat yang didapati daripada soal selidik, dan hasil daripada ujian bertulis dijadikan tajuk perbincangan dalam kajian ini.

3.2 Reka bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang dipilih ialah kaedah tinjauan. Kaedah jenis ini adalah baik kerana bercorak saintifik, logik, umum dan khusus seperti yang dinyatakan oleh Babbies (dipetik dari Ibrahim Salleh, 1985).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Phillip S. Bernard (1976 : 205) menjelaskan penggunan rekabentuk kajian seperti ini membolehkan pengkaji mengetahui matlamat kepercayaan individu, nilai-nilai dan norma-norma kumpulan yang dikaji, yakni mengetahui pola interaksi dan tingkah laku mereka, Menurut Ker Linger (1973 : 411), cara ini membolehkan pengkaji mengetahui pendapat, sikap dan dorongan kumpulan yang dikaji.

Tumpuan utama kajian ini lebih banyak berdasarkan hasil tinjauan dan kajian daripada ujian bertulis serta soal selidik yang diberikan kepada murid-murid Tahun enam. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk tujuan pengumpulan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Tempat Kajian

Kajian ini diadakan di dua lokasi yang berbeza dalam daerah Kinta, Perak. Dua buah sekolah mewakili kawasan bandar dan dua buah sekolah lagi mewakili kawasan luar bandar. Sekolah-sekolah dalam bandar yang menjadi pilihan ialah SK Manjoi 1, Ipoh dan SK Jalan Panglima Bukit Gantang, Ipoh masing-masing terletak kira-kira dua dan tiga Kilometer dari pusat bandar Ipoh.

Sekolah-sekolah dari kawasan luar bandar pula ialah SK Jalan Pengkalan Pegoh, Lahat dan SK Pengkalan Baru, Kampung Kepayang. SK Jalan Pengkalan Pegoh terletak lebih kurang lima belas Kilometer dari pusat bandar Ipoh manakala SK Pengkalan Baru pula terletak lapan belas Kilometer dari pusat bandar Ipoh.

3.4 Subjek Kajian

Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji mengikut prosedur pemilihan sampel yang dikeluarkan oleh Bahagian Perancangan Dan Kajian Dasar Pendidikan (EPRD), Kementeriana Pendidikan Malaysia (KPM). Setelah membuat pemilihan sekolah, pengkaji memohon kebenaran KPM , Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan seterusnya memohon kebenaran daripada pihak sekolah untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji memilih persampelan daripada Tahun enam. Persampelan ini dibenarkan oleh Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan memandangkan kajian ini dilakukan pada awal tahun.

Populasi dalam penyelidikan ini terdiri daripada murid-murid Tahun enam di empat buah sekolah dalam daerah Kinta. Seramai 100 orang murid terlibat dalam kajian ini. 50 orang murid adalah dari sekolah di bandar dan 50 orang murid lagi dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah di luar bandar. Semua murid terdiri daripada penutur jati bahasa Melayu. Pemilihan responden dibuat secara rawak, tanpa mengetahui latar belakang status ekonomi mereka. Jadual 3.1 menunjukkan analisis butir responden mengikut lokasi sekolah dan jantina.

Jadual 3.1

Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah Dan Jantina


Lokasi Sekolah	Lelaki	Perempuan	Jumlah Murid
Bandar	25	25	50
Luar Bandar	25	25	50
Jumlah	50	50	100
	50.0%	50.0%	100.0%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah di bawah menunjukkan rekabentuk pemilihan sampel yang melibatkan murid-murid dari kawasan bandar dan luar bandar.



Rajah 3.1
Reka bentuk sampel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Alat Kajian

Kajian ini menggunakan satu set ujian penulisan dan satu set soal selidik seperti berikut:

3.5.1 Ujian Penulisan

Murid-murid diberi karangan yang bertajuk "Pasar Malam" dan panjangnya lebih kurang 80 patah perkataan. Tumpuan utama ujian bertulis untuk melihat penguasaan penggunaan *Kata Nama, Kata Kerja Dan Kata Adjektif*. Reka bentuk ujian bertulis diperjelas dalam rajah 3.2.

Jadual 3.2

Reka Bentuk Ujian Bertulis

Bil	Aspek Kajian	Kaedah Kajian	Instrumen Kajian
1.	Jumlah Kata Nama	Ujian	Ujian Penulisan
2.	Jumlah Kata Kerja		
3.	Jumlah Kata Adjektif		

3.5.2 Soal Selidik

Satu set soal selidik juga digunakan sebagai bahan dalam kajian ini. Dalam soal selidik ini pengkaji hanya menggunakan soalan jenis "close-ended". Soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini meliputi bidang yang dikaji, iaitu:

1. Butir-butir diri
2. Pembelajaran bahasa Melayu yang sedang diikuti
3. Sikap dan minat murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Sikap ibu bapa terhadap proses penguasaan bahasa Melayu.
5. Faktor-faktor luar yang mempengaruhi proses penguasaan bahasa Melayu.

Selain ujian dan soal selidik di atas, pengkaji juga menggunakan kaedah perpustakaan, iaitu dengan merujuk beberapa buah buku, majalah, dan tesis. Kaedah ini adalah bertujuan untuk meneliti beberapa aspek yang melibatkan proses penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dan faktor sosioekonomi keluarga yang mempengaruhinya.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Langkah-langkah yang diambil untuk menjalankan penyelidikan ini adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.1 Menjalankan Ujian dan Soal Selidik.

Satu ujian bertulis, iaitu karangan bahasa Melayu diberikan kepada sampel, yang terdiri daripada murid-murid Tahun enam di bandar dan di luar bandar. Tajuk karangan ialah "Pasar Malam".

Masa yang diperuntukkan untuk menulis karangan ini ialah selama 30 minit. Panjang karangan adalah lebih kurang 80 patah perkataan. Semasa ujian dijalankan murid-murid yang menjadi sampel dikumpulkan dan diawasi oleh dua orang guru. Murid-murid dilarang bercakap atau menerima sebarang tunjuk ajar semasa ujian dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas ujian bertulis diadakan, sampel diberikan pula kertas soal selidik. Sampel diberikan penerangan bagaimana mengisi borang tersebut.

3.7 Kajian Rintis

Selain mengenalpasti persampelan, kajian rintis juga berguna bagi menentukan tajuk alat ukur yang dipilih untuk menyenangkan perancangan. Karangan yang berkaitan dengan *Pasar Malam* dipilih kerana tajuk ini difikirkan bersesuaian dengan objektif pengajaran bahasa Melayu seperti yang tercatat dalam Sukatan Pelajaran yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan. Antara objektif Gerakkerja Bertulis ialah:

> "memberi peluang kepada murid mencatat dan mengarang dengan bebas apa yang dilakukannya dan dilihatnya".
> (Mohd Hilmi Ismail, 1982 : 28-30)

3.8 Prosedur Penganalisisan Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah-langkah yang diambil untuk menjalankan penyelidikan ini adalah seperti berikut:

3.8.1 Menganalisis Karangan

Karangan yang ditulis oleh sampel diteliti dan dianalisis. Perkara utama yang dianalisis ialah jumlah kata nama, kata kerja dan kata adjektif yang digunakan oleh sampel semasa menulis karangan. Semasa menganalisis jenis kata ini, kata nama yang terdiri daripada senarai nama kawan-kawan, nama ahli keluarga sampel tidak diambil kira. Perbendaharaan kata jenis ini dianggap tidak mustahak, dan tidak memperlihatkan penguasaan bahasa yang sepatutnya dikuasai oleh murid dalam lingkungan umur dua belas tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Atan Long (1971:11), perbendaharaan kata jenis tersebut di atas merupakan sebahagian daripada perbendaharaan kata aktif sahaja sedangkan takrif penguasaan bahasa lebih luas daripada itu.

Selain itu, perkataan yang sama yang digunakan lebih daripada sekali , dikira sebagai satu perkataan sahaja. Penggunaan perkataan yang dianggap tidak bersesuaian dengan tajuk juga tidak termasuk dalam pengiraan.

Menurut Abdul Samat Saberan, tujuan ujian perbendaharaan kata dibuat ialah untuk:

a. menguji kefahaman dan penggunaan perkataan
b. melihat kebolehan dan kecerdikan seseorang
c. mengukur pencapaian seseorang dalam sesuatu bidang atau mata pelajaran.

Abdul Samat Saberan (1982: 7)

Kaedah analisis lebih sesuai untuk menguji kemahiran menulis dalam subkemahiran karangan seperti daripada segi struktur dan gaya, pemilihan isi, penyususnan isi, tatabahasa, penggunaan perbendaharaan kata dan aspek makna dalam penulisan karangan. (Abdual Aziz Abdul Talib, 1996:1970). Pada asasnya kaedah ini untuk mengesan dan mendapatkan maklumat balik mengenai kebolehan, dan kelemahan murid dalam aspek tertentu dalam penulisan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis kandungan melalui penyelidikan deskriptif bertujuan untuk menghuraikan sifat-sifat sesuatu keadaan yang menyeluruh dan teliti mengenai gambaran awal supaya perumusan persoalan benar-benar meliputi semua aspek yang dikaji. Data deskriptif digunakan untuk membuat keputusan kajian mungkin menggunakan hasil dari analisis untuk tujuan-tujuan ramalan.(J.Supanto, 1986:32)

Analisis data dilakukan juga dengan menggunakan Program Statistical Packages for the Social Sciences *(SPSS)* versi 11.0. Data yang diperoleh daripada responden dianalisis dengan menggunakan statistik yang sesuai. Pengkaji menggunakan program "SPSS" untuk mendapatkan analisis berstatistik dan laporan kajian secara lebih mudah, tepat dan murah berbanding dengan komputer kerangka utama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Penengah atau "min" adalah satu kaedah yang biasa digunakan untuk mencari perbezaan antara dua pemboleh ubah. "Sisihan piawai" pula digunakan untuk mencari jumlah responden yang berada hampir dengan kedudukan "min". Ujian-T pula digunakan untuk mencari min dan sisihan piawai serta menguji hipotesis kajian selain membolehkan SPSS menganalisis sama ada wujud atau tidak perbezaaan antara dua min sampel (Mohd Majid Konting, 1990: 441).

3.8.2 Menganalisis Soal Selidik

Data yang diperoleh daripada soal selidik juga dianalisis. Maklumat penting yang dititikberatkan ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. latar belakang murid

b. taraf pendidikan ibu bapa dan pekerjaan

c. minat dan sikap murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu

d. Faktor lain yang mempengaruhi proses penguasaan perbendaharaan kata.

Kaedah soal selidik dipilih untuk memperolehi maklum balas daripada responden kerana jumlah responden agak ramai. Menurut Mohd. Majid Konting (1994), soal selidik sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan dan kehendak. Pada pendapatnya soal selidik lebih praktikal berbanding dengan temubual dan pemerhatian untuk mencapai responden yang berjauhan antara satu sama lain serta besar populasinya.

Selain itu, beliau berpendapat, soal selidik dapat mengukur ciri-ciri atau pembolehubah yang hendak diukur walaupun saiz sampel yang besar. Soalan-soalan yang diberikan bersifat piawai, dan dalam proses melengkapkan soal selidik, responden tidak dipengaruhi oleh penyelidik. Apa yang paling penting menurut beliau ialah ketepatan dan kebenaran gerak balas responden dapat dipertingkatkan.

Ahmad Mahdzan Ayob (1995), berpendapat bahawa oleh sebab soal selidik mengandungi satu rentetan soalan yang digubal khas maka soal selidik dapat membantu responden merasa selesa, dan membolehkan mereka mengingat kembali perkara-perkara yang berlaku pada masa lampau. Di samping itu, kelebihan menggunakan soal selidik ialah tiap-tiap responden disoal dengan soalan yang sama mengikut urutan yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keadaan ini memudahkan pengkaji membuat perbandingan antara seorang dengan seorang yang lain atau antara sekumpulan responden dengan sekumpulan yang lain. Soal selidik yang sekata mempercepatkan kerja mengumpul data serta memastikan mutu data yang dikumpul dan senang memproses data itu kelak.. Penggunaan soal selidik juga membolehkan pengkaji sampai kepada sampel kajian dengan cepat.

3.9 Kesimpulan

Dalam menjalankan sebarang kajian, hasil kerja yang sempurna menjadi dominasi dalam memantapkan keseluruhan kajian. Kesempurnaan sesuatu kajian berhubung kait dengan sejauh mana sesuatu kaedah yang digunakan oleh pengkaji. Ketetapan dalam menggunakan reka bentuk kajian yang sesuai membolehkan kajian mencapai kehendak kajian secara terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Reka bentuk kajian yang menepati kehendak kajian dengan memperlihatkan kerangka konsep tentang andaian amat penting dalam merangka hasil kajian. Secara keseluruhannya. Pemilihan sampel kajian haruslah dilaksanakan dengan terperinci agar sasaran yang diharapkan menepati keputusan keseluruhan populasi. Selain itu, memilih dan menjalankan kaedah kajian yang betul amat penting dalam membuat penganalisisan data dengan tepat.

Data yang didapati daripada ujian penulisan dan soal selidik dalam kajian ini merupakan sumber maklumat yang penting untuk melaporkan hasil kajian. Oleh itu ketekalan hasil kajian bergantung rapat pada sejauh mana ketepatan maklumat yang diberikan oleh sampel dan ketelitian penganalisian data yang diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan apa yang dihuraikan di atas, pengumpulan dan penganalisisan data dapat dilakukan dengan teratur dan sistematik. Selanjutnya kajian ini boleh menjadi lebih bermakna dan mempunyai kesahannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian untuk menjawab soalan-soalan kajian yang dikemukakan dalam Bab Satu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Dapatan Kajian

Data daripada aspek yang dikaji memperlihatkan sejauh mana penguasaan perbendaharaan kata murid sekolah rendah khususnya Tahun enam daripada segi penggunaan kata nama , kata kerja dan kata adjektif yang kemudiannya disebut sebagai KN (kata nama), KK (kata kerja) dan KA (kata adjektif).

Kajian ini juga meninjau sejauh mana wujudnya perbezaan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam penulisan karangan antara murid di bandar dan di luar bandar. Di samping itu, kajian dilakukan untuk melihat perbezaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah khususnya Tahun enam mengikut jantina. Kajian ini turut meninjau meninjau sejauh mana pengaruh sosioekonomi terhadap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu murid Tahun enam.

Hasil kajian yang diselidik dianalisis dalam bentuk jadual dan juga graf (rajah) untuk menunjukkan min, peratus dan taburan bilangan responden yang dikaji.

4.2.1 Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Jadual 4.1

Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Melayu

Murid Tahun Enam

BANDAR					LUAR BANDAR				
N=50	KN	KK	KA	JUMLAH	N=50	KN	KK	KA	JUMLAH
1	10	7	3	20	1	7	10	1	18
2	14	14	6	34	2	5	9	3	17
3	11	12	4	27	3	3	10	6	19
4	6	10	2	18	4	4	8	5	17
5	7	10	4	21	5	3	6	3	12
6	14	14	6	34	6	3	5	1	9
7	10	7	5	22	7	2	11	2	15
8	9	8	5	22	8	2	4	2	8
9	10	7	3	20	9	6	14	1	21
10	11	10	4	25	10	6	11	2	19
11	9	8	5	22	11	2	5	2	9
12	6	4	3	13	12	2	5	3	10
13	11	10	5	26	13	5	9	3	17
14	6	9	1	16	14	3	5	2	10
15	6	11	2	19	15	3	9	2	14
16	6	6	1	13	16	6	3	2	11


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

17	1	6	3	10	17	7	3	2	12
18	6	10	1	17	18	8	4	1	13
19	9	9	1	19	19	9	5	1	15
20	9	12	4	25	20	10	3	2	15
21	8	3	3	14	21	5	10	6	21
22	5	6	4	15	22	5	12	5	22
23	6	4	3	13	23	5	4	0	9
24	6	16	3	25	24	4	9	3	16
25	5	10	2	17	25	3	4	2	9
26	10	15	5	30	26	6	14	5	25
27	7	5	3	15	27	3	4	2	9
28	9	6	2	17	28	7	9	2	18
29	8	12	8	28	29	4	6	1	11
30	9	15	7	31	30	5	10	5	20
31	6	9	1	16	31	5	7	1	13
32	5	6	4	15	32	7	10	1	18
33	6	6	3	15	33	4	5	1	10
34	9	7	3	19	34	8	6	2	16
35	7	10	4	21	35	3	9	1	13
36	6	11	2	19	36	5	8	4	17
37	6	11	3	20	37	3	2	2	7
38	6	5	3	14	38	3	4	2	9
39	6	9	3	18	39	3	5	2	10
40	11	10	4	25	40	3	5	4	12
41	7	10	5	22	41	7	12	4	23
42	6	8	4	18	42	2	4	0	6
43	7	7	3	17	43	5	2	1	8
44	6	6	3	15	44	7	14	4	25
45	8	11	3	22	45	2	4	0	6
46	5	12	5	22	46	4	6	2	12
47	9	7	2	18	47	6	5	2	13
48	9	7	3	19	48	7	11	5	23
49	7	8	2	17	49	7	7	4	18
50	7	6	3	16	50	7	8	5	20
JUMLAH	383	442	171	996	JUMLAH	241	355	124	720
%	38.50%	44.40%	17.20%	100%	%	33.50%	49.30%	17.22%	100%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1

Jumlah Keseluruhan Penguasaan Perbendaharaan Kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1 memperlihatkan penggunaan kata nama, kata kerja dan kata adjektif dalam kalangan murid Tahun enam di sekolah rendah. Daripada 100 sampel sebanyak 624 (36.36 %) kata nama, 797 (46.45%) kata kerja dan 295 (17.19 %) kata adjektif digunakan, dengan jumlah keseluruhan 1716 perbendaharaan kata digunakan. Keterangan berhubungan dengan jumlah keseluruhan penguasaan perbendaharaan kata diperjelaskan dalam Rajah 4.1.

Hasil kajian menunjukkan daripada 100 sampel, hanya 46 (46.00%) orang sahaja dapat menggunakan lebih daripada min purata 17.16 perkataan. Sementara itu, 54 (54.00%) orang pula hanya dapat menggunakan perbendaharaan kata kurang daripada min purata. Hal ini menggambarkan sejumlah besar murid, iaitu melebihi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran bahasa kanak-kanak yang bersifat *trial and error* memerlukan pengulangan. Selalunya orang dewasa yang hadir memberi contoh dan membetulkan sebutan kanak-kanak. Menurut Atan Long (1978 : 295), sebutan yang didengar oleh kanak-kanak ini boleh menjadi tiruan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peniruan adalah corak pemelajaran kanak-kanak iaitu:

a. Dengan meniru apa yang dikatakan oleh orang dewasa. Dalam peniruan ini, kanak-kanak mudah ingat kata-kata isi lebih dahulu daripada bukan kata isi.

b. Dengan memahami peluasan pada bahagian-bahagian tertentu ayat. Kata-kata isi adalah kata-kata yang menunjukkan nama, sama ada manusia, binatang atau barang, misalnya emak, bapa, susu, air dan sebagainya.

Apabila kita hendak mengajar kanak-kanak bercakap, bahasa yang digunakan mestilah bahasa yang betul sebutanya dan baik tatabahasanya. Penggunaan sebutan dan tatabahasa yang salah menyebabkan kanak-kanak memperoleh bentuk sebutan dan corak penggunaan bahasa yang salah kerana mereka meniru contoh yang salah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Kawasan Tempat Tinggal

Kawasan tempat tinggal juga dapat mempengaruhi proses berbahasa kanak-kanak. Sekalipun faktor ini ada kaitan dengan kelas masyarakat tetapi lebih ditekankan di sini ialah daripada segi geografinya, iaitu sama ada kawasan bandar, pinggir bandar, kampung, desa atau kawasan pedalaman. Kanak-kanak yang tinggal di kawasan bandar misalnya, mengetahui lebih kata nama yang berkaitan dengan barangan elektrik, jenis-jenis kenderaan, pakaian dan berbagai-bagai jenis peralatan rumah tangga yang moden.

Kanak-kanak di kawasan lain pula, perkembangan leksikalnya bergantung kepada lokasi tempat tinggalnya seperti kanak-kanak yang tinggal di kampung lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuannya terhadap jenis-jenis binatang, nama pokok, jenis-jenis serangga, jenis-jenis peralatan yang digunakan oleh ibu bapanya untuk bekerja.

Tempat tinggal yang selesa banyak membantu emosi kanak-kanak agar sentiasa tenang dan gembira. Apabila situasi ini melingkungi kanak-kanak maka dengan sendirinya bahasa yang dikuasai juga lebih tersusun dan gramatis. Perkataan-perkataan yang mereka kuasai juga terdiri daripada kata-kata yang baik sesuai dengan peringkat umur mereka berbanding dengan kanak-kanak yang tinggal di kawasan setinggan.

Selain faktor sosioekonomi keluarga terdapat juga faktor lain yang menyumbang kepada penguasaan perbendaharaan kata yang kurang cemerlang. Antara faktor yang dimaksudkan ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Rakan Sebaya

Penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu yang kesat dan tidak teratur boleh dikaitkan dengan rakan sebaya. Perhubungan dengan rakan sebaya boleh berlaku secara formal seperti di tadika atau secara tidak formal, misalnya semasa kanak-kanak sedang bermain sesama mereka. Komunikasi yang berlaku sewaktu bermain itulah yang menyebabkan berlakunya proses pengambilan perkataan (jenis bahasa yang digunakan) sesama rakan sebaya. Rakan sebaya ini banyak mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak kerana mereka lebih gemar meniru percapakan rakannya sebagai satu cara untuk mengadakan hubungan yang lebih mesra supaya mereka diterima oleh rakan sebayanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rakan sebaya yang tinggal dalam lingkungan kawasan perumahan setinggan kebanyakannya mempunyai latar belakang keluarga yang kurang stabil. Keadaan ini menjadi tidak terurus kerana mereka bukan sekadar mengambil perkataan daripada rakan sebaya mereka, malah perkataan itu menjadi sebati dalam dirinya, dan melemahkan penguasaan keseluruhan perbendaharaan kata mereka

ii. Media Massa

Media massa atau alat sebaran am yang banyak mempengaruhi penguasaan perbendaharaan kata Bahasa Melayu kanak-kanak ialah televisyen. Menonton televisyen amat digemari oleh kanak-kanak kerana sifat alat itu sendiri yang merangsang dua pancaindera, iaitu pendengaran dan penglihatan yang berlaku serentak. Kanak-kanak lebih meminati ruangan iklan yang disiarkan oleh televisyen, kerana bahasanya ringkas dan menghiburkan walaupun daripada segi tatabahasanya dicemari dengan pelbagai kesalahan.

Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain iklan, kanak-kanak juga meminati rancangan kartun kerana bahasa dan perbendaharaan kata yang digunakan sesuai dengan tahap kebolehan mereka berbanding dengan siri-siri lain yang kadangkala bahasa dan perbendaharaan katanya terlalu kompleks. Pengolahan aksi dan bahasa yang tersurat adalah sejajar dalam rancangan-rancangan kartun berbanding dengan siri-siri lain yang banyak menggunakan aksi sebagai penglahiran bahasa. Permainan emosi, mimik muka dan gerak laku dalam satu-satu rancangan amat sukar untuk dimengertikan oleh kanak-kanak. Oleh sebab itulah kanak-kanak lebih gemar dengan rancangan kartun dan ruangan iklan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rancangan-rancangan alih bahasa juga banyak mempengaruhi proses penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu kanak-kanak. Terjemahan yang salah terutamanya dalam siri-siri kartun Jepun seperti Pokemon juga banyak membantu kanak-kanak menguasai struktur perbendaharaan kata bahasa Melayu yang salah. Keadaan ini ditambah pula dengan media cetak yang menyediakan komik-komik di pasaran untuk tatapan kanak-kanak.

iii. Pendedahan dan Rangsangan

Kanak-kanak yang aktif penguasaan bahasanya, biasanya banyak menerima rangsangan dan pendedahan melalui pergaulannya. Maksudnya, kanak-kanak itu banyak memperoleh dorongan untuk berbahasa dan bersedia untuk bekerjasama bagi menjayakan komunikasi tersebut. Sekiranya tidak terdapat pendedahan, sukarlah bagi seseorang kanak-kanak itu untuk menguasai perbendaharaan kata dan bahasa yang betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun anak manusia yang mengikut logiknya dapat berbahasa (kalau mengikut teori mentalis kerana ada innate capacity) tetapi jika dipisahkan daripada masyarakat berbahasa maka kanak-kanak itu tidak dapat berbahasa sekalipun alat artikulasinya normal. Oleh itu, penguasaan bahasa hanya berlaku apabila seseorang kanak-kanak itu tidak dipisahkan daripada masyarakatnya dan mendapat pendedahan berbahasa yang cukup dalam lingkungan yang dimasukinya. Mustahil kanak-kanak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik, sekiranya kanak-kanak itu tidak mendengar pertuturan orang dewasa. Lebih banyak pertuturan yang didengarnya adalah lebih baik kerana pendedahan ini merupakan satu serangan kepada proses berbahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam proses penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu, kanak-kanak juga memerlukan rangsangan yang baik dan teratur. Hal ini dapat dibuktikan oleh Skinner (ke atas tikus) dan Pavlov (ke atas anjing) daripada golongan behaviourisme dalam percubaan yang dilakukan oleh mereka. Menurut mereka, pembelajaran itu berlaku dengan terdapatnya rangsangan dan tindak balas.

Rangsangan dan tindakbalas boleh berlaku dengan jayanya di sekolah rendah. Guru-guru boleh memainkan peranan dengan membacakan buku cerita atau mengikuti program televisyen pendidikan, kemudian meminta murid menyenaraikan kata nama, kata kerja dan kata adjektif yang mereka dengar. Murid yang berjaya mengumpulkan jumlah kata yang banyak diberikan ganjaran. Selain daripada rangsangan dan tindakbalas, pengukuhan juga penting dalam membantu penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat agen-agen tertentu yang membolehkan kanak-kanak menguasai perbendaraan kata bahasa Melayu. Dalam menguasai perbendaharaan kata, kanak-kanak memerlukan hubungan terus dengan objek dan memerlukan kehadiran orang dewasa untuk memandunya supaya ia dapat menarik erti daripadanya. Oleh itu, penegasan Asmah Haji Omar (1981 : 273) mengenai hal ini adalah tepat, seperti katanya pengetahuan bahasa tidak dapat tercapai oleh seseorang kanak-kanak jika dia tidak pernah mendengar orang lain bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Budaya Membaca

Murid sekolah rendah pada hari ini didedahkan dengan berbagai-bagai aktiviti harian. Kepelbagaian aktiviti ini menghadkan tumpuan untuk membaca buku-buku yang bercorak akademik. Keadaan persekitaran pula tidak memaparkan budaya membaca. Apabila budaya membaca ini tidak menjadi sebahagian daripada corak kehidupan mereka, maka penguasaan mereka terhadap bahasa khususnya perbendaharaan kata semakin menurun. Oleh itu, projek Nilam yang sedang dijalankan di sekolah-sekolah hendaklah dipastikan keberkesanannya.

v. Kekurangan Rangsangan Fizikal

Di bilik darjah murid kurang didedahkan dengan suasana persekitaran membaca seperti buku cerita, surat khabar, majalah akademik dan lain-lain lagi. Di rumah pula, ibu bapa sering menghadkan peruntukan untuk membeli bahan bacaan untuk anak-anak mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Kekurangan Rangsangan Psikologi

Sikap ibu bapa yang tidak menunjukkan minat suka membaca berlaku di bandar dan di luar bandar. Ibu bapa di bandar menjadikan alasan kesibukan bekerja untuk tidak merangsang anak-anak membaca. Ibu bapa di luar bandar pula sering menggunakan wang pendapatan yang ada untuk membeli keperluan lain yang lebih penting daripada membeli bahan bacaan. Secara psikologinya mereka berpendapat belajar di sekolah sudah memadai apatah lagi untuk mendalami penguasaan perbendaharaan kata yang pada anggapan mereka kurang penting dan tidak berfaedah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Vii. Faktor lain

Keadaan fizikal seseorang kanak-kanak banyak mempengaruhi perkembangan bahasa. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila seorang kanak-kanak yang tidak sihat fizikalnya sudah pasti memberikan kesan langsung dalam keupayaannya berbahasa.

Daya diskriminasi (pengamatan) seseorang terhadap sesuatu benda berbeza-beza disebabkan kebolehan memahami, menilai dan menganalisis sesuatu perkara merupakan sesuatu yang abstrak. Konsep ini juga sama seperti bagaimana seorang kanak-kanak cuba menguasai perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu.

Penguasaaan menjadi lebih mantap jika kanak-kanak tadi mempunyai pengalaman dan persekitaran yang sesuai. Orang-orang di sekelilingnya memainkan peranan yang utama dalam memberikan persekitaran dan pengalaman yang positif kerana ini membuahkan hasil yang positif juga.

Sebagai individu yang berfikir, kanak-kanak mempunyai perasaannya masing-masing. Emosi yang baik dan terkawal biasanya boleh mendorong kepada penguasaan perbendaharaan kata yang lebih sempurna berbanding dengan emosi yang kacau bilau disebabkan oleh orang-orang di sekelilingnya. Motivasi yang sesuai juga perlu diberikan kepada kanak-kanak ketika mereka cuba untuk menguasai sesuatu bahasa.

Motivasi boleh dibuat bentuk ucapan mahupun bentuk material atau hadiah. Sahsiah yang baik yang dimiliki oleh kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dewasa. Kanak-kanak yang mempunyai sahsiah yang kurang baik biasanya kurang menguasahi perbendaharaan kata dengan sempurna.

5.2 Cadangan

Bagi memperbaiki kelemahan murid dalam penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu, langkah –langkah yang sesuai perlu diambil oleh pihak-pihak yang berkaitan. Pengkaji memberi beberapa cadangan seperti berikut:

a. Peranan Sekolah

Di sekolah, pihak panitia mata pelajaran bahasa Melayu perlu membincangkan keperluan untuk membina, mengembang dan menggiatkan pengetahuan sedia ada dan pengalaman murid untuk dijadikan jambatan bagi memperkenalkan atau mengajarkan makna perkataan – perkataan baharu. Pembinaan pengalaman dan pengetahuan sedia ada murid tentang sesuatu perkataan atau konsep sangat perlu untuk murid menguasai sesuatu bahasa. Kenyataan ini seiring dengan pendapat Stieglitz (1983) yang menegaskan bahawa kejayaan seseorang murid untuk menjadi cekap dan mahir dalam penggunaan apa-apa bahasa sekalipun, pada sebahagiannya bergantung kepada luas dan kayanya pengalaman dan konsep-konsep yang dipelajari.

Sesungguhnya, pengajaran perbendaharaan kata di sekolah sangatlah penting kerana dapat menentukan pengetahuan murid tentang makna sesuatu perkataan dan dapat memahami, mendalami dan menghayati mesej yang hendak disampaikan oleh bahan bacaan. Guru-guru perlu menggunakan teknik atau kaedah yang sesuai dengan tahap pencapaian murid dan bertanggungjawab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Peranan Guru Bahasa

Guru-guru bahasa Melayu hendaklah memberi perhatian terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa di dalam bilik darjah. Berdasarkan sukatan yang ditetapkan, guru menekankan pembelajaran aspek kemahiran yang lain tanpa memberi penumpuan kepada perbendaharaan kata semata-mata. Perbendaharaan kata hanya merupakan latihan sampingan dan kurang diberi perhatian semasa pengajaran.

Keadaan ini menimbulkan masalah apabila murid terpaksa menjawab soalan perbendaharaan kata sama ada dalam ujian atau peperiksaan. Murid juga menghadapi masalah untuk mengembangkan keupayaan mereka dalam pelbagai aspek perbendaharaan kata. Pengajaran perbendaharaan kata yang dijalankan secara tidak langsung bersama-sama kemahiran pemahaman tidak banyak membantu murid menguasai perbendaharaan kata yang luas. Penggunaan strategi pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai dalam penyampaian mata pelajaran bahasa Melayu sangat penting supaya penguasaan bahasa lebih menyeluruh bukan setakat terikat atau tertumpu pada aspek kemahiran tertentu sahaja. Di sini dicadangkan beberapa saranan kepada guru:

i. Pengajaran penguasaan perbendaharaan kata di sekolah hendaklah dirancang dengan teliti dan teratur. Perbendaharaan kata yang dipilih hendaklah sesuai dengan kemampuan dan peringkat umur murid yang menggunakannya. Guru-guru boleh merujuk kepada Huraian Sukatan Pelajaran Tahun Enam untuk sejumlah perbendaharaan kata yang dicadangkan. Jumlah perkataan yang dicadangkan itu adalah yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

minimum dan boleh ditambah lagi mengikut kemampuan murid di dalam kelas yang diajar.

ii. Pengajaran perbendaharaan kata perlu diajarkan secara langsung. Pengajaran perbendaharaan kata secara tidak langsung adalah tidak sesuai dan tidak dapat membantu mempercepatkan penguasaan perbendaharaan kata murid. Harus diingat, seseorang murid tidak dapat menguasai sesuatu perbendaharaan kata itu dengan sekali baca atau sekali dengar sahaja. Oleh itu, sesuatu perbendaharaan kata yang baharu mestilah diperkenalkan dengan pelbagai cara dan situasi.

iii. Pemilihan kaedah pengajaran perbendaharaan kata hanya sesuai dengan objektif pengajaran guru dan keadaan murid. Pelajaran dimulakan dengan aktiviti kerjasama kemudian barulah diikuti oleh aktiviti pembacaan dan penulisan. Dalam usaha mencapai matlamat pengajaran, penekanan perlu diberikan kepada aspek-aspek yang menjadi masalah dalam pembelajaran. Sebagai contoh, sekiranya mereka menghadapi masalah dalam menguasai perbendaharaan kata yang abstrak maka gunakan pelbagai kaedah lain untuk mengatasinya seperti latih tubi.

iv. Pendedahan kepada perbendaharaan kata hendaklah dilakukan dengan lebih kerap dalam ketiga-tiga aspek kemahiran bahasa, iaitu kemahiran lisan, bacaan dan penulisan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Sebutan bahasa Melayu baku hendaklah ditekankan sewaktu pengajaran dan elakkan daripada menggunakan dialek tempatan yang mengganggu perkembangan perbendaharaan kata murid.

vi. Guru perlu banyak menggunakan berbagai-bagai perkataan yang berbeza tetapi mempunyai pengertian yang sama atau sinonim. Langkah ini dapat memperkaya lagi perbendaharaan kata murid.

vii. Pengajaran bahasa Melayu hendaklah dikaitkan dengan mata pelajaran yang lain supaya segala istilah yang digunakan dalam mata pelajaran berkenaan membantu penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu.

viii. Guru hendaklah menunjukkan cara bagaimana merujuk kamus dengan betul sekiranya muird-murid ingin mengetahui makna sesuatu perkataan dengan tepat.

ix. Guru mestilah membuat keputusan yang bijak mengenai jumlah perbendaharaan kata baharu yang hendak diperkenalkan kepada murid. Namun, bilangan tersebut bergantung kepada kelas yang diajar. Pengkaji mencadangkan agar teks yang diberi mengandungi tidak lebih dari sepuluh perkataan baharu. Perkataan yang diperkenalkan itu pula hendaklah;

(a) Paling kerap digunakan

(b) Sangat perlu untuk murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(c) Mudah untuk dipelajari

(d) Sering digunakan dalam kebanyakan bahan bacaan

c. Peranan Kementerian Pendidikan

Kementerian Pendidikan menerusi Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) perlu merangka dan mengubah sukatan pelajaran Bahasa Melayu KBSR sekarang yang tidak memasukkan aspek perbendaharaan kata secara terancang. Bentuk pengajaran perbendaharaan kata sekarang adalah terpisah-pisah. Aktiviti pengajaran perbendaharaan kata tidak menunjukkan perhubungan antara perkataan-perkataan yang diketahui maknanya (pengetahuan sedia ada) dengan perkataan-perkataan baharu yang diperkenalkan atau diajarkan.

Kegiatan seumpamanya itu perlu bagi memenuhi tujuan pengajaran perbendaharaan kata, iaitu untuk menubuhkan bilangan perkataan atau konsep yang diketahui maknanya bagi mengembangkan skema murid yang sedia ada (Marohaini, 1989).

d. Peranan ibu bapa

Daripada kajian ini didapati, murid daripada dua buah kawasan bandar dan luar bandar menghadapi masalah yang hampir sama dalam penguasaan perbendaharaan kata. Di sini dicadangkan beberapa saranan kepada ibubapa atau penjaga:

i. Ibubapa hendaklah menunjukkan sikap suka membaca atau bercerita kepada anak-anak. Amalan ini dapat menambahkan perbendaraan kata anak-anak. Budaya membaca bersama-sama ahli keluarga amat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digalakkan terutama ketika cuti persekolahan. Perkara ini boleh dilakukan bukan sahaja di rumah, malahan ketika berada di tempat-tempat percutian.

ii. Ibu bapa hendaklah meluangkan masa untuk bermesra dengan anak-anak atau berinteraksi mengenai sesuatu perkara mengikut situasi tertentu. Cara ini dapat melatih anak-anak menggunakan perkataan-perkataan yang jarang digunakan dalam percakapan seharian.

iii. Semasa berbual dengan anak-anak, seboleh-bolehnya gunakan bahasa baku yang digunakan di sekolah. Penggunaan bahasa baku merupakan rangsangan positif ke arah pembentukan sikap dalam pendidikan dan kehidupan setiap hari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Ibu bapa seboleh-bolehnya menyediakan buku-buku, surat khabar dan majalah yang bersesuaian di rumah supaya sumber pengetahuan tidak terhad kepada buku-buku pelajaran sekolah sahaja. Buku-buku yang baik kandungannya dapat meningkatkan penguasaan bahasa, seterusnya dapat memperluaskan perbendaharaan kata anak-anak. Majalah-majalah akademik seperti Dewan Pelajar, Akhbar Pendidikan, Dewan Siswa dan Pelangi boleh digunakan untuk bahan bacaan umum terutama dalam mengisi masa lapang.

v. Semasa cuti sekolah, ibu bapa boleh menggunakan kesempatan ini untuk membawa anak-anak bercuti di tempat-tempat peranginan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain dapat berhibur dan mengeratkan kasih sayang, anak-anak dapat pengetahuan baharu khususnya maklumat mengenai sesuatu tempat dan hal ini juga sekaligus menambah penguasaan perbendaharaan kata mereka.

Kesemua cadangan di atas ini mempunyai kaitan yang rapat dengan sosioekonomi keluarga. Mereka yang datang daripada status sosioekonomi tinggi dan sederhana kemungkinan tidak timbul masalah dalam melaksanakan cadangan di atas tetapi bagi murid yang datang daripada keluarga status sosioekonomi rendah sudah pasti menjadi satu impian semata-mata. Namun begitu, ibu bapa daripada status sosioekonomi rendah boleh mengubah corak bercuti ini ke tempat-tempat yang lebih murah dan dekat supaya kos yang digunakan tidak terlalu tinggi.

Fokus utama yang paling penting ialah pengorbanan ibu bapa dalam memberikan rangsangan positif untuk anak-anak agar menjadikan anak-anak lebih optimis terhadap pelajaran dan masa depan.

e. Peranan Maktab Perguruan

Pihak Maktab Perguruan sebaik-baiknya mengkaji semula kurikulum yang digunakan untuk pengajaran kepada pelatih-pelatih maktab sesuai dengan keadaan hari ini. Murid hari ini lebih aktif, kreatif dan berdaya maju. Oleh itu, corak pengajaran guru boleh ketinggalan sekiranya latihan yang mereka terima di maktab tidak dikemaskinikan. Pengubahsuaian cara perlu dilakukan sesuai dengan kehendak Falsafah Pendidikan hari ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

f. Peranan Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)

Segala permasalahan tidak harus diletakkan di bahu guru dan sekolah semata-mata. Sebaliknya PPK harus mengkaji semula sukatan pelajaran bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah sesuai dengan kehendak semasa. Pemilihan buku teks yang baik daripada segi ejaan, perbendaharaan kata perlu diambil kira sesuai dengan saranan kerajaan dalam konsep "Cacat Sifar".

g. Peranan Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri

Kedua-dua jabatan ini menjadi tempat rujukan utama para guru dalam masalah yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Sesuai dengan tahap profesionalisme guru, mereka perlu sentiasa bermotivasi untuk menuntun. Oleh yang demikian, pihak Jabatan dari semasa ke semasa perlu mengadakan kursus, bengkel, seminar yng berkaitan dengan bahasa Melayu agar mereka yang bukan daripada opsyen bahasa Melayu boleh mengajar dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

h. Peranan Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG)

Sebagai satu organisasi utama di sekolah, pihak PIBG perlu mengambil berat tentang soal pencapaian akademik anak-anak mereka. Keadaan ini lebih mendesak sekiranya penguasaan perbendaharaan kata murid yang menjadi salah satu elemen penting dalam penguasaan bahasa Melayu begitu merosot. Langkah yang baik ialah pihak PIBG perlu membantu pihak sekolah dengan menyediakan kemudahan ABM bagi tujuan pengajaran agar lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Masyarakat

Ahli masyarakat perlu sedar bahawa merekalah yang menentukan martabat bahasa Melayu. Oleh yang demikian semua masyarakat di Malaysia harus bekerjasama dalam memartabatkan bahasa Melayu. Contohnya, dengan menyediakan semua papan tanda iklan tertentu dalam bahasa Melayu yang betul.

Sesungguhnya, segala peranan yang dimainkan oleh semua pihak ini mendatangkan natijah yang baik bukan sahaja kepada murid malah kepada perkembangan bahasa Melayu itu sendiri. Walaupun berbagai-bagai usaha dilakukan, yang jelasnya, murid di sekolah rendah sendiri perlu sedar bahawa penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu yang baik sahajalah boleh membawa kepada penguasaan bahasa Melayu yang sempurna. Oleh itu, sikap positif terhadap penguasaan perbendaharaan kata ini perlu ditunjukkan oleh murid sejak dari awal lagi agar tidak timbul masalah di kemudian hari .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Cadangan Kajian Lanjut.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya menumpukan perhatian terhadap murid Tahun enam sahaja. Kita perlu menyedari bahawa punca-punca kelemahan yang dikaji membuktikan bahawa permasalahan ini bukan sahaja wujud ketika murid berada di bangku sekolah rendah tetapi berlanjutan sehingga ke sekolah menengah. Penekanan dan perhatian pada peringkat menengah juga perlu dilakukan. Pengkaji mencadangkan adar kajian yang lebih meluas dilakukan juga ke kawasan-kawasan FELCRA dan FELDA.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkara ini perlu dilakukan supaya kita dapat melihat persamaan dan perbezaan, punca masalah, penguasaan perbendaharaan kata di kawasan tersebut. Seterusnya, membolehkan kita mengenalpasti punca-punca kelemahan secara lebih jelas dan berusaha untuk mengatasi masalah itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN AM

Abdul Aziz Abdul Talib. (1996). *Menuju kemahiran bahasa,prinsip, Teknik dan contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Hamid Mahmood (2001). *Menguasai bahasa Melayu tinggi*. Kuala Lumpur: Affluent Master Sdn.Bhd.

Abdul Samat Saberan. (1982). *Satu penyiasatan perbendaharaan kata buku teks darjah 1, 2, dan 3.*Tesis Sarjana Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abdullah Hassan (1983*). Linguistik am untuk guru bahasa Malaysia.* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Adil, Ali Kufaishi, (1988). A vocabulary building program is a necessity not a luxury.*English teaching forum*, Vol. xxxi (2).

Ahmad Asmaran (2000). *Bentuk Pengajaran perbendaharaan Kata Semasa mengajar membaca dalam Tiga Bilik Darjah*. Tesis Sarjana Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ahmad Mahdzan Ayob. (1995). *Kaedah penyelidikan sosioekonomi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Amir Adli (1988). "Kesalahan Penggunaan BM di Kalangan Pelajar Menengah Atas" dlm. *Dewan Bahasa* hal. 81-98.

Amir, Awang. (1993). *Teori-teori pembelajaran*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Anderson, R.C. & Freebody, H.P. (1981). *Vocabulay knowledge dlm. J.T. Guthrie comprehension and teaching: Research reviews*. Newark, D.E. International Reading Association.

Ashworth, M.& Wakefield, H.P. (1994). *Teaching the world's children: ESL for ages three to seven.*Ontario: Pippin Pub.Ltd.

Asiah Abu Samah (1977). *A Study of Sociological Factors Affecting Language Development of Primary School Children.* Tesis Sarjana Pendidikan, Kuala Lumpur: Univeristi Malaya.

Asmah Hj. Omar (1981). '*Bahasa dan pendidikan kanak-kanak', dalam di sekitar persoalan bahasa Melayu* 1957 – 1972. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Atan Long (1971*). Satu Penyiasatan perbendaharaan kata asas kanak-kanak Melayu di dalam darjah satu* . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Atan Long (1978*). Psikologi pendidikan.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Atan Long (1982). *Psikologi pendidikan.* Edisi Kedua. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Atan Long (1988). *Psikologi pendidikan.* Edisi Ketiga.Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Awang Sariyan (1980), "Pencemaran Bahasa Dari Perspektif Budaya" *Dewan Masyarakat* Jilid XVIII, Bil, 3

Awang Sariyan (1988). *Isu-isu bahasa Malaysia.* Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Azman Wan Chik (1982). Trend-*trend baru dalam bidang pendidikan.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Azizan, Talib. (1986) *Perbendaharaan kata asas murid darjah dua di empat buah sekolah di Perlis.* Tesis Sarjana Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Banks, O (1976). *The sociology of education.* London : B T Batsford Limited.

Beck, I.L., Perfetti, C.A.,& McKeown, M.G. (1982). Effects of long term vocabulary instruction on lexical access and reading comphrehension. *Journal of education psychology*, 74, 506-521

Bee,H.(1992). *The developing child (6th ed.).* New York: Harper Collins College Pub.

Broom, M.E. (1951). *Effective reading instruction*. New York: McGraw Hill.

Bynner, J. M (1972). Parents attitudes to education. London : HMSD

Bullock, A. (1975). *A language for life*. Her Majesty's Stationary Office: London.

Carr, E & Wixson, K. (1986). "Guideline for evaluating vocabulary instruction" *Journal of reading*. Delaware. International Reading Association.,Inc. Newark, vol.29.

Clark, H.H. & Clark, E.V. (1977). *Psychology and language*. New York: Harcourt Brace Javanovich.

Cohen, R.A. (1969). *Conceptual styles, culture conflict, and nonverbal tests.* American Anthropologist.

Dennis, W. (1960). "Causes of Retardation Among Insttutional Childred" *Journal of Genetic Psychology* (96) : 47 – 59.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Davies, N.B. (1978). *Basic vocabulary skills.* New York: McGraw Hill.

Douglas, J. W. B (1964), *The home and the school.* London : Mac Gibbon Kee.

Duncan, D. D. (1972). *Socio-economic background and achievement.* New York : Seminar Press.

Durkin, D. (1989). Teaching them to read (5th ed.) Needhaeight, Massachusets: Allyn & Bacon

Edgar, D. & Joseph. (1991). *Techniques of teaching vocabulary.* California: Field Educational Pub.

Floud, J. E (1965). *School class and education opportunity.* London : Routledge and Kegan Paul.

Fowler, G.L. (1982). *Developing comprehension skills in primary students through the use of stockframes. The reading teacher.*

Fraser, F. (1959). *Home environment and the school.* London : University of London Press.

Hafner, L.E. & Jolly, H.B. (1972). *Pattern of teaching reading in the elementary school.* New York: Macmillan Co.

Harris, A.J. (1962). *How to increase reading ability.* New York: Longman.

Hartman, R. R. K. and Stork F. C (1972). *Dictionary of language and linguistics.* London : Applied Science Publisher.

Hawkins, P. R (1973). '*Social class, the nominal group*', dlm. Berustein, Basil (ed), *Class, codes and control,* Volume 2. London : Routledge and Kegal Paul.

Ishak Haron (1977). *Social Class and Educational Achievement in a Plural Society* : Peninsular Malaysia. Disertasi Ph.D, Chicago: University Chicago.

Juriah, Long. (1993). *Pemerolehan imbuhan pada peringkat prasekolah dan implikasi terhadap pendidikan bahasa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Juriah, Long et.al. (1993). *Perkaedahan pengajaran bahasa Malaysia.* Kuala Lumpur: Fajar Bakti. Sdn.Bhd.

Kagan, J. & Havemann, E. (1980). *Psychology: An introduction* (4th ed.). New York: Harcourt Brace Javanovich.

Kail, R.V. & Wicks-Neilson, R. (1993). *Developmental psychology* (5th.Ed.). Englewood Cliffs, New Jersey: Pretice-Hall, Inc.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kamaruddin Abdul Rahman (1982). *'Penguasaan sintaksis oleh murid-murid sekolah'* dlm. Azman Wan Chik (ed), *Trend-trend baru dalam pendidikan.* Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Kamarudin, Husin. (1990). *Pedagogi bahasa.* Petaling Jaya: Longman (M) Sdn. Bhd.

Kay, P. (1975). *Synchronic variability and diachronic changes in basic color terms*: Language Society.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1998). *Sukatan pelajaran bahasa Malaysia untuk sekolah rendah.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1973). *Kajian keciciran.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1979). *Laporan jawatankuasa mengkaji dasar pelajaran kebangsaan.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1998). *Huraian Sukatan pelajaran bahasa Malaysia untuk sekolah rendah.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ker Linger (1973). *Foundation of behaviour research.* New York : Colombia.

Koh Boh Boon (1981*). Pendidkan imbuhan : Satu pengenalan.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Koh Boh Boon. (1982). "Penilaian perbendaharan kata: Sekolah menengah rendah. Kertas kerja yang dibentangkan di seminar perguruan: Pengukuran dan penilaian dalam Bidang pendidikan bahasa" Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya.

Koh Boh Boon (1989). *Perspektif-perspektif dalam pengajaran bahasa Malaysia.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmood Nazar Mohamed (1992*). Penghantar psikologi.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mangantar Simanjuntak (1983). "Pemerolehan Bahasa Melayu" : Bahagian Semantik dlm. *Dewan Bahasa* 27:10 hlm. 693.

Mangantar Simanjuntak (1987). *Penghantar psikolinguisik moden.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Marohaini Yusuf (1989). *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman.* Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.

Meskinah Taib (1998). *Perbandingan Penguasaan perbendaharaan Kata Antara Pelajar langkau Dan Pelajar Biasa Sekolah Rendah.* Tesis Sarjana Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Michael, C.P. (1997). Teaching vocabulary through a communicative approach. *Projek Khas* KDPK (TESL). MPIK.

Mohamed Awang (1979). "Tempoh Kritikal Dalam Pemerolehan Bahasa Dari Perspektif Neurofisiologi" dlm. *Dewan Bahasa* Jilid 23 Bil. 1

Mohd Hilmi Hj. Ismail (1982). *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia di sekolah-sekolah rendah.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah penyelidikan pendidikan.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd Yasin Abdul Majid (1985). "Penegasan Prinsip-Prinsip Pengajaran Bahasa Malaysa Sebagai Bahasa Pertama di Sekolah" dlm. *Dewan Bahasa* 29:8 hal.609 – 615.

Morrison, A and Mac Intyre (1971). *School and socialization.* London : Penguin Books.

Murad Mohd Nor (1973). *Kajian kecicíran.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Musgrove , F. (1979). *The family education and society.* London : Routledge and Kegan Paul.

Nathesan. S. (1999). "*Membina kosa kata" dlm. Teknik dan pendekatan dalam pendidikan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nathesan. S. (2000). " Pemerolehan perbendaharaan Kata Di Kalangan Murid Tahun Empat : Satu Tinjauan" dlm. *Dewan Bahasa* . Hal. 28

Nik Safiah Karim (1981). *Beberapa persoalan sosiolinguistik bahasa Melayu.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim (1986). "Bahasa Kebangsaan Sebagai Pemancar Imej Bangsa dan Negara" dlm. *Jurnal Persatuan Linguistik*, Jilid 2 1986/87

Nik Safiah Karim *et.al.* (1993). *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim *et.al.* (1996). *Tatabahasa Dewan Edisi (ed.3).* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nisbet, J. (1961). '*Family environment and intelligence*' in Hasley, A. H. Floud, J and Anderson, C. Education, Economic and Society, New York : Free Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendarvis, E.D., Howley,A.A. & Howley, C.B. (1990). *The abilities of gifted children.* Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice hall.

Philips, Bernard S. (1976*). Social research strategy and tactics.* New York : Mac Millan Publishing.

Piaget, J. (1955). *The origin of intelligence in children (1st Edition*). New York : International University Press.

Piaget, J. (1963). *Origins of intelligence in children.* New York : Norton.

Piaget, J. (1964). Judgement and reasoning in children. Paterson N.J.: Littlefield Adams.

Piaget .J (1969). '*Language and intellectual operations*' dlm. Furth, H. (ed) Piaget and Knowledge. New York : Prentice Hall.

Quigley, H. (1974). "The pre –reading vocabulary of children leaving nursery school" *Journal of educational research*, vol.16.

Robinson, Susan A. H (1978). ' *An elusive concept' in John Gilliland* (ed). *Readings research and classroom practice.* United Kingdom: Reading Association.

Samsu Yaacob da Marzukhi Nyak Abdullah (1988), "Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak Ditinjau Daripada Aspek Pengaruh Persekitarannya" dlm. *Dewan Bahasa* . Januari hal. 25.

Seal, B.P. (1991). *Vocabulary learning and teaching* dlm. Celca-Murcia, M.(Ed). *Teaching English as a second language*. Boston: Heinle & Heinle Pub.

Smith, F. (1983). *Understanding reading.* Cambridge: Cambridge University Press.

Sprinthal, N.A. & Sprinthall, R.C. (1990). *Educational psychology : A development approach* (5th. Ed.). new York: McGraw Hill Book.Co.

Stielglitz, Ezra, L (1983). " A Practical Approch of Vocabulary Reinforcement" *ELT, Journal* Vol. 37/1

Supki, Sidek. (1988). "Beberapa Aspek Pengajaran Kosa Kata" dlm. *Dewan Bahasa* 32:10 Oktober, hal. 727-738.

Taylor, L. (1990). *Teaching and learning vocabulary.* Oxford: Heinemann Educational Books.

Vygotsky, L.S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

Vygotsky, L.S.(1986). *Thought and language*. Cambride, MA: MIT Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Whorf, B.L. (1956). *Science and linguistic* dlm. Carroll, J.B. (ed). Dlm. *Language, thought, and reality*. Cambridge, Mass.: M.I.T.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

PENGARUH TERHADAP PENGUASAAN PERBENDAHARAAN KATA BAHASA MELAYU MURID TAHUN ENAM

KERTAS SOAL SELIDIK

UNTUK DIISI OLEH MURID

Peringatan :

1. **Kertas soal selidik ini mengandungi 16 soalan.**
2. **Jawab semua soalan.**
3. **Tuliskan jawapan anda di tempat kosong yang di sediakan atau tandakan (/) pada salah satu pilihan jawapan yang diberi.**
4. **Kertas soal selidik ini akan dikutip di akhir soal selidik.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KAJIAN TENTANG PENGARUH TERHADAP PENGUASAAN PERBENDAHARAAN KATA BAHASA MELAYU MURID TAHUN ENAM

Borang soal selidik ini adalah untuk mengumpul maklumat berkaitan murid.SEMUA KENYATAAN YANG DIBERI ADALAH SULIT DAN HANYA UNTUK KEGUNAAN PENYELIDIKAN.

Tandakan (/) pada kotak yang disediakan atau tuliskan jawapan anda di tempat kosong yang disediakan.

1. Jantina

Lelaki	
Perempuan	

2. Bilangan adik beradik _____

3. Bilangan adik beradik yang bersekolah _____

4. Anda anak yang ke berapa dalam keluarga _____

5. Tahap pendidikan bapa anda

Ijazah	
Diploma	
STPM / Maktab	
MCE / SPM	
LCE/SRP	
Tamat Sekolah Rendah	
Tidak pernah bersekolah	

6. Apakah pekerjaan bapa anda _____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7. Tahap pendidikan ibu anda

Ijazah	
Diploma	
STPM / Maktab	
MCE / SPM	
LCE/SRP	
Tamat Sekolah Rendah	
Tidak pernah bersekolah	

8. Apakah pekerjaan ibu anda _____

9. Jumlah pendapatan ibu bapa anda

RM 3000 ke atas	
RM 2000- RM2999	
RM 1000- RM 1999	
RM 500- RM999	
RM 499 ke bawah	

10. Tempat tinggal anda

Rumah banglo	
Rumah teres	
Rumah Lot	
Rumah kampung	
Setinggan	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

11. Adakah ibu bapa anda menentukan masa untuk anda mengulangkaji pelajaran ?

Ya ☐

Tidak ☐

12. Adakah ibu bapa atau ahli keluarga yang lain membantu anda sewaktu mengulangkaji pelajaran?

Ya ☐

Tidak ☐

13. Antara barang-barang berikut, yang manakah dimiliki oleh keluarga anda ? (Boleh pilih lebih dari satu)

Komputer ☐

TV ☐

VCD ☐

Radio ☐

14. Mata pelajaran apakah yang paling anda minati?

Bahasa Melayu ☐

Bahasa Inggeris ☐

Matematik ☐

Sains ☐

Lain-lain (Nyatakan _____ ☐

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

15. Berapa bilangan karangan bahasa Melayu yang telah anda buat tahun lalu?

1-10 buah	
11-20 buah	
21-30 buah	
Lebih dari 31	

16. Apakah gred yang ada peroleh dalam mata pelajaran bahasa Melayu dalam peperiksaan akhir tahun lalu?

A	
B	
C	
D	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terima kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UJIAN PENULISAN

(Tiga puluh minit sahaja)

Pada hujung minggu, anda mengikut ibu anda ke pasar malam. Gambarkan suasana dan pengalaman anda di pasar malam itu. Panjangnya karangan anda mestilah tidak kurang daripada 80 patah kata dan tidak melebihi 120 patah kata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi